

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggal Yang Pertama
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Tuan Haji Hashim bin Safin @ Shafain (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Johor)

“ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)

“ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)

“ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C.
(Negeri Sembilan)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)

“ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi
(Dilantik)

“ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)

“ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)

“ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)

Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Yunos, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)

- Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahmah binti Salleh, P.J.K. (Terengganu)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Shuib bin Endut, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Datuk David Yeoh Eng Hock, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar,
K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 7hb. September, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

TEBING SUNGAI REJANG - KEROSAKAN

1. Tuan Janggu Anak Banyang minta Menteri Pertanian menyatakan adakah kementerian ini sedar iaitu tebing-tebing Sungai Rejang dari Sibu hingga ke Kapit di Sarawak telah runtuh kerana dipukul ombak bot-bot ekspres dan kapal balak semasa melalui sungai itu. Banyak pokok buah-buahan telah tumbang di tebing sungai itu. Apakah tindakan telah dibuat terhadap kerosakan tebing itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, sungai adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, melainkan sungai-sungai yang menjadi sempadan antara dua negeri yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (bersama) untuk mentadbirkannya.

Di negeri Sarawak ada satu ordinan telah ditubuhkan pada 22.4.93 iaitu 'Sarawak Riverine Transport Bill' di mana kuasa telah diberikan kepada suatu Lembaga 'Sarawak Riverine Transport Board' untuk mengawal lalulintas sungai dan juga tebing-tebing sungai, termasuk pencegahan hakisan tebing dan juga

langkah-langkah untuk memulihkannya. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada pihak berkuasa ini untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju kawasan-kawasan terokaan baru yang ada mempunyai pokok-pokok asal di tepi sungai, yakni kawasan rizab sungai, tidak ditebang kerana akar pokok yang sudah mantap dan tidak boleh dihakis oleh air, begitu juga tebing-tebing sungai yang sudah dibuang pokok-pokok perlu ditanam semula dengan pokok yang boleh menguatkan tebing sungai, contohnya seperti pokok buluh dan sebagainya.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, walau pun soalan itu tidak menepati dengan soalan asal mengenai negeri Sarawak. Walaupun begitu, saya cuba menjawabnya. Kerajaan memang sedar bahawasanya dengan tumbuh-tumbuhan yang sedia ada menguatkan tebing sungai. Sebab itulah kerajaan telah mengambil sikap bahawasanya segala pokok-pokok yang terdapat di tebing sungai kalau boleh dikekalkan untuk menguatkan tebing sungai.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam peribahasa Melayu ada mengatakan 'aur dengan tebing', iaitu tolong-menolong antara satu dengan lain. Jadi, kita faham kalau sungai tidak ada pokok, sungai akan runtuh dan akan berlaku sesuatu yang tidak baik. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, biasanya siapakah di antara yang menyebabkan perkara-perkara ini berlaku? Adakah pihak-pihak yang hendak

mengusahakan sesuatu pembangunan di tempat-tempat yang berkenaan atau pun pihak-pihak masyarakat atau pun penduduk-penduduk kampung itu sendiri? Kalau ini biasa berlaku, apakah usaha-usaha yang patut diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kefahaman kepada pihak pemaju atau pun kepada masyarakat setempat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar bahawasanya sungai perlu dijaga dengan teliti, malahan kita telah merizabkan kawasan-kawasan tepi sungai, mengikut keadaan di mana kita adakan rizab sungai, maka dengan sebab itulah kita tidak menggalakkan apa-apa jua penebangan di kawasan tebing sungai.

Pihak kerajaan telah menjalankan beberapa kempen untuk mencantikkan sungai kita dan menjaga kebersihan sungai. Salah satu caranya ialah dengan mengadakan kempen dan sebagainya kepada orang ramai bertujuan menjaga sungai. Dengan lain perkataan, kita akan cuba terus menguatkuasakan peraturan ini.

TELEFON - KECURIAN TALIAN

2. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapa masih ada lagi berlaku kecurian talian telefon pengguna dan apakah cara yang diambil bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:

Tuan Yang di-Pertua, kecurian talian telefon pengguna adalah merupakan masalah global atau pun universal, ia tidak berlaku di Malaysia sahaja. Semua syarikat

pengusaha telekomunikasi telah pun diberitahu supaya bekerjasama untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Beberapa langkah telah pun dirancangan dan telah diambil oleh syarikat-syarikat telekomunikasi. Antaranya termasuk:-

- (i) memberi kunci keselamatan (pin-code) kepada pengguna-pengguna telefon selular;
- (ii) memperketatkan lagi kawalan panggilan antarabangsa ke negara-negara yang dianggap banyak berlaku kecurian talian;
- (iii) menubuhkan pasukan petugas khas dengan kerjasama polis untuk membanteras kegiatan ini;
- (iv) mengawal selia akaun, data dan kegiatan-kegiatan dalaman yang mempunyai maklumat-maklumat sulit pengguna; dan
- (v) tindakan mahkamah diambil ke atas pesalah-pesalah yang mempunyai bukti yang kukuh untuk disabitkan.

Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jadi, saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang membina telefon awam yang lebih konkrit supaya tidak mudah dirosakkan oleh budak-budak jahat kerana terdapat sebilangan besar telefon awam telah dipecahkan, wang dicuri dan alat-alat juga dibawa sama yang mengakibatkan kepentingan orang awam terjejas?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa telefon awam ataupun pondok telefon awam yang dibina sekarang ini sudah cukup konkrit, tetapi kita akan membina lebih banyak telefon awam dengan menggunakan kad telefon, maka tidak ada duit ataupun wang tunai yang terlibat.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya adalah berkenaan dengan bil telefon mudah alih. Nampaknya kegiatan ini sudah serius sehingga bernilai berjuta-juta ringgit. Tepuk dengan sebelah tangan, takkan berbunyi. Tepuk mesti dua belah tangan; kalau sebelah tangan tepuk, tepuk angin sahaja! Oleh sebab itu, saya rasa, mesti ada orang dalaman terbabit dengan sindiket tersebut.

Jadi, soalan saya ialah, sehingga hari ini, ada berapa kes penipuan telah dikesan oleh pihak kementerian dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian dan...ini ada dan lagi...*[Ketawa]* macam manakah cara kementerian mencegah supaya kegiatan ini tidak akan berlaku pada masa-masa akan datang?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kejadian kes kecurian talian telefon boleh berlaku sama ada oleh orang dalaman ataupun orang luar. Mereka yang arif dalam sistem telekomunikasi sahaja yang akan dapat melakukan kecurian.

Berdasarkan kepada maklumat yang diberikan kepada saya baru-baru ini, cuma satu kes sahaja yang dapat dikesan oleh pihak pengusaha telekomunikasi yang melibatkan orang dalaman dan tindakan tatatertib telah pun diambil, iaitu

mereka telah dibuang - dua orang yang terlibat. Dalam penangkapan yang dilakukan oleh pihak polis baru-baru ini terhadap satu sindiket mencuri talian telefon, di antara 10 orang yang ditangkap ini, dua orang adalah berasal dari sebuah syarikat telekomunikasi yang berkenaan.

Pihak kerajaan memang sangat mengambil berat tentang kes ataupun kejadian kecurian talian telefon ini dan hukumannya memang berat kerana di bawah Akta Telekomunikasi 1950 ini, kalau sekiranya seorang terbukti oleh mahkamah yang terlibat di dalam kes kecurian talian, dia boleh dihukum denda hingga RM20,000 atau pun dikenakan hukuman penjara selama 3 tahun atau pun kedua-duanya.

Tetapi oleh kerana untuk membawa seseorang ke mahkamah ini, ia melibatkan banyak masalah teknikal kerana telekomunikasi ini amat teknikal. Maka, di bawah Akta sekarang memang susah hendak membawa seseorang ke mahkamah kerana ia memerlukan bukti yang amat kukuh sekali.

Maka, kementerian saya sekarang mempertimbangkan, sekiranya perlu, kita akan mengambil langkah untuk memperketatkan lagi Akta Telekomunikasi ini supaya dapat kita melakukan pendakwaan di mahkamah dengan lebih mudah lagi.

PROJEK KUALA LUMPUR LINEAR CITY - PELAKSANAAN

3. Tuan Rahim bin Baba minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bilakah projek “Linear City” yang akan melibatkan sungai di Bandaraya Kuala Lumpur akan dilaksanakan; dan

- (b) berapakah panjang sungai yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak pemaju bagi mengatasi sebarang kemungkinan akibat dari projek “Linear City” dan penutupan sungai ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Haji

Mohamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Kuala Lumpur Linear City dirancang mula dilaksanakan pada tahun 1996.
- (b) Projek tersebut akan melibatkan pembangunan di atas tebing Sungai Kelang sejauh 12 km dari Jalan Tun Razak ke jambatan Jalan Kelang Lama. Di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak pemaju bagi mengatasi sebarang kemungkinan akibat projek “Linear City” dan penutupan sungai tersebut ialah:-
 - (i) pembinaan pembangunan tersebut akan dijalankan di atas kawasan 1 meter melebihi daripada paras banjir tertinggi yang pernah direkodkan dan dengan demikian akan mengelakkan projek ini menjejaskan pengaliran air yang akan menyebabkan berlakunya banjir. Ketinggian pembangunan ini adalah melebihi daripada 9 meter di atas paras air sungai;

- (ii) pihak pemaju akan dipertanggungjawabkan menyelenggarakan seluruh kawasan sungai yang terlibat di dalam projek ini;
- (iii) untuk tujuan penyelenggaraan, pihak pemaju akan mengadakan sistem perangkap lumpur dan sampah yang akan membantu mengurangkan impak pembangunan ini terhadap kualiti air pada tahap minimum;
- (iv) pihak pemaju juga akan membina dan menyelenggarakan 5 ‘sedimentation ponds’ di kawasan batu bagi menjaga kualiti air dan mengelakkan pencemaran di kawasan sungai yang terlibat; dan
- (v) pihak pemaju akan menjalankan langkah-langkah yang perlu bagi menjamin keadaan ‘bio-diversity’ serta hidupan ‘aquatic’ kawasan yang terlibat tidak terjejas disebabkan oleh pembangunan kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Begitulah ‘impak’. Kalau ada soalan tambahan?

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa projek “Linear City”

ini merupakan salah satu daripada beberapa projek-projek raksasa yang akan dijalankan di Bandaraya Kuala Lumpur seperti projek Mid Valley, Bazar Rakyat, Projek KTM dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pada masa sekarang telahpun terdapat lebih the retail space, dengan izin, di Kuala Lumpur di mana kalau sekarang, kita ada lebih kurang 14,000 juta square feet dan dijangkakan dalam tahun 2000, lebih kurang 30,000 juta square feet akan terdapat di Kuala Lumpur - ianya akan berlaku kelebihan. Jadi, adakah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan meneruskan lagi dan akan meluluskan lagi projek-projek raksasa seperti projek “Linear City” ini?

Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, projek ini adalah merupakan salah satu projek yang pertama di rantau Asia ataupun di dunia ini. Jadi, projek ini akan dibuat walaupun merupakan suatu projek gergasi. tujuan utama ialah memandangkan bagi mengatasi masalah lalu lintas di bandar Kuala Lumpur, maka projek ini akan dilaksanakan dan kerajaan juga akan melaksanakan projek ini yang merupakan projek pertama dan tidak memikir untuk menambah lagi projek-projek lain di masa akan datang.

Jadi, sementara projek ini dibangunkan, pertamanya apabila kita hendak membuat sesebuah projek, terutama sekali projek yang besar, kadang-kala masalah yang kita hadapi ialah masalah pampasan tanah pemilik. Tetapi projek ini kita buat adalah di tebing sungai yang mana ini adalah tanah kerajaan, tidak melibatkan

banyak bayaran pampasan tanah. Sebab itulah kerajaan memikirkan daripada membuat projek di tempat-tempat lain yang terpaksa membayar berbagai-bagai pampasan, maka kerajaan memikirkan supaya membuat “linear city” seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Zeevill Sharmugam.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat.

LANDASAN KERETA API - MENGAWAL PENCEROBOHAN

4. **Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan terdapat ramai juga penceroboh yang mencerobohi kawasan landasan kereta api di negara ini, apakah tindakan yang terkini yang dicadangkan oleh kementerian bagi menyekat keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang terkini yang sedang diambil dan juga yang dicadangkan oleh kementerian bagi menyekat keadaan ini ialah pertama, kementerian meningkatkan pendidikan kepada orang ramai terhadap bahayanya menceroboh kawasan landasan kereta api seperti mengadakan ceramah di sekolah, balai raya, kempen menerusi TV, radio dan akhbar.

Keduanya, tindakan undang-undang di bawah Fasal 64(1)(a) Akta Keretapi 1991 akan diambil terhadap mereka yang mencerobohi kawasan landasan berkembar dan jika sabit kesalahannya boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjarakan sehingga 3 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Saya suka juga menyatakan bahawa semenjak double tracking dilaksanakan pada 1hb. Julai yang lalu, sebanyak 153 kes pencerobohan telah ditangkap yang mana 128 telah diberi surat amaran dan 25 telah dibawa kepada pihak Polis untuk dibicarakan di mahkamah.

Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan sedar bahawa salah satu daripada sebab orang menceroboh ialah kerana kekurangan jejantas? Kemungkinan besar apabila landasan berkembar ini dirancangkan tidak termasuk di dalam rancangan tersebut tentang di mana jejantas-jejantas yang perlu dibina dan setelah menghadapi masalah barulah kita memikirkan di mana sepatutnya diadakan jejantas.

Saya sendiri cuba melalui Jalan Kelang Lama daripada Subang Jaya, Sunway Lagoon sampai ke Taman Desa dan saya dapati amat kurang jejantas dan kerana itu, maka orang terpaksa menceroboh. Kalau tidak ia terpaksa menghadapi kos yang tinggi untuk pergi ke tempat yang dekat, umpamanya dari Kampung Dato' Haron atau Kampung Tunku hendak cross ke Petaling Jaya, ke kilang tempat ia bekerja; sekarang ini terpaksa berbelanja tiga-empat kali ganda ataupun terpaksa berbelanja lebih. Kalau dulu dia hanya berjalan kaki. Jadi, itulah yang menyebabkan orang menceroboh. Adakah sekarang ini pihak Keretapi Tanah Melayu Bhd. bercadang untuk membina jejantas-jejantas dan adakah benar bahawa sewaktu merancang landasan berkembar dulu tidak pernah ada perancangan untuk laluan pejalan-pejalan kaki?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTMB telah pun merancang jejantas-jejantas di tempat-tempat yang tertentu di sepanjang laluan double tracking. Untuk makluman, jejantas ini akan siap pada penghujung bulan Oktober tahun ini dan setelah siap maka KTMB akan menguatkuasakan dengan ketatnya peraturan-peraturan yang mana sesiapa yang melintasi landasan keretapi akan ditangkap dan akan dcaj mengikut akta.

Di tempat-tempat yang disebutkan tadi, kesemua tempat ini telah pun ada rancangan KTMB dan overhead bridges ini memang sedang dibina. Antara tempatnya saya suka sebutkan seperti di Pantai Dalam, Petaling, Jalan Templer, Kg. Dato' Haron, Seri Setia dan juga Sungai Way.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Orang yang menceroboh landasan keretapi ini memang menanggung risiko yang tinggi tetapi walaupun tangkapan telah pun dibuat, orang ini masih tidak takut lagi. Macam baru-baru ini di Segamat, ular makan orang. Orang sekarang sudah takut kepada ular. *[Ketawa]* Dulu mana ada pernah dengar ular boleh makan manusia. Ini jadi satu “news”lah untuk negara kita. Saya pun sekarang kalau hendak keluar malam pun saya takut, sebab saya takut ular. Jadi, adakah pihak kementerian ada cadangan untuk mengambil tindakan yang lebih keras terhadap masalah ini?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian akan mengambil tindakan yang lebih keras: Lebih “keras” daripada “keras”, setelah siap landasan (overhead bridges) yang disebutkan tadi. Sekarang

ini kalau kita hendak tangkap setiap hari, mungkin kita kena tangkap terlalu ramai orang kerana mereka belum ada pilihan untuk menyeberang. Tetapi berakhirnya bulan Oktober, semua lintasan atas akan siap sama ada untuk pejalan kaki mahupun sebahagiannya ada untuk crossing motosikal, maka ketika itu undang-undang akan dikuatkuasakan dengan berkesan.

LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS - JUMLAH PELANCONG

5. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapa ramaikah pelancong yang melawat Pulau Langkawi sejak ia diisytiharkan pulau bebas cukai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Pulau Langkawi diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada tahun 1987 sehingga bulan Mac tahun ini seramai 7,516,763 orang pelawat dilaporkan telah berkunjung ke pulau tersebut.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian pihak kerajaan bahawasanya kedai bebas cukai ini merupakan satu daya tarikan kepada pelancong. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuatkan, misalannya Pulau Tioman dan juga di tempat-tempat lain sebagai tempat ataupun kawasan pelancongan yang mempunyai kedai-kedai bebas cukai?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan belum diberitahu lagi

bahawa kerajaan bercadang untuk membuka kelas....kedai bebas cukai di tempat-tempat yang baru disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa? Teringat kelaskah?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tersasul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad tidak mahu tambah lagi?

PELAJAR MALAYSIA DI MESIR - JUMLAH

6. **Puan Hajah Rahmah binti Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang masih belajar di negara Arab seperti di Mesir, Jordan, Kahirah dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar Malaysia khususnya yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan yang masih belajar di negara Mesir ialah 42 orang dan di Jordan 240 orang. Ini menjadikan jumlah semua pelajar-pelajar di negara itu seramai 282 orang.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Menteri yang berkenaan menyatakan berapa ramai pula bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang sudah berumahtangga di negara Arab yang tersebut tadi? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya perlukan notis di atas perkara-perkara yang macam ini.

Tuan Saidin bin Mohamad: Soalan tambahan. Adakah langkah bantuan yang harus dibuat dan berkesan bagi melayakkan pelajar-pelajar melanjutkan

pelajaran ke Timur Tengah sedangkan dari segi pembelajaran, kebanyakan pelajar ini berkecenderungan, kerana hanya mereka terlibat dengan menghisap rokok kerana institusi pembelajaran di Timur Tengah melarang ataupun menegah sama sekali penyertaan pelajar yang terlibat dengan merokok?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara semacam ini memang kita cuba awasi dan setakat yang kita awasi itu, dapat kita tegaskan tentang kemungkinan-kemungkinan yang tidak baik daripada kegiatan-kegiatan seperti itu. Jabatan Hal Ehwal Pelajar kita yang mengawasi pelajar-pelajar di negara-negara yang berkenaan senantiasa mengikuti perkembangan-perkembangan yang boleh memudaratkan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria-kriteria yang kerajaan tetapkan bagi pelajar-pelajar yang hendak belajar ke negeri Arab dan apakah benar bahawa ada beberapa pelajar yang terlibat menyokong parti pembangkang di sana?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria itu bergantung kepada jurusan-jurusan yang hendak mereka ambil.

Bagi soalan yang kedua, memang ada kedapatan pelajar-pelajar yang bersikap demikian dan kita sentiasa mengambil tindakan dari segi berjumpa dan memberi pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat kepada pelajar-pelajar kita.

DASAR PELAJARAN - OBJEKTIF

7. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan dasar pelajaran sekarang akan ramai lagi dapat dikeluarkan

kumpulan-kumpulan profesional dan separuh profesional di negara kita. Mereka itu semua berkehendakkan pendedahan praktikal sebelum boleh dipergunakan ilmu-ilmu mereka dengan berkesan. Adakah kementerian beliau sediakan tempat-tempat mendapat pendedahan praktikal seperti maksud yang dikehendaki itu.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pelajaran sekarang ialah melahirkan lebih ramai kumpulan-kumpulan profesional dan separuh profesional di negara kita. Di antara langkah yang diambil untuk mencapai matlamat dan objektif dasar tersebut ialah dengan menambah bilangan politeknik yang sedia ada dari 6 kepada 10 buah menjelang tahun 2000.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan bagi memastikan pelajar-pelajar tersebut mendapat pendedahan praktikal. Mereka akan ditempatkan di beberapa industri tertentu bagi menjalani latihan amali sebelum menerima diploma dan sijil masing-masing. Dengan ini, mereka dapat mempergunakan ilmu yang diperolehi dengan lebih berkesan. Di samping itu juga, Jawatankuasa Penasihat Kursus di Politeknik Kementerian Pendidikan telah ditubuhkan dalam usaha meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan latihan. Penubuhan jawatankuasa ini adalah selaras dengan kehendak kerajaan untuk melibatkan pihak industri dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk hendak berunding dengan syarikat-syarikat besar di negara kita ini seperti Esso, Shell, IBM, syarikat-syarikat

antarabangsa dan sebagainya untuk mengambil pelajar-pelajar kita yang berkelulusan luar negara seperti Australia, Amerika, Jepun, tidak kira di mana, supaya mereka ini sebelum pulang ke tanah air diambil sebagai Management Training atau Pengurus Latihan di syarikat-syarikat besar antarabangsa ini termasuklah juga syarikat-syarikat kewangan di London, New York untuk hendak mendedahkan mereka kepada sistem pasaran Bursa Saham dan juga KLOFFE dan sebagainya. Adakah ini maksud profesional yang dikaitkan untuk kita meningkatkan lagi pelajar-pelajar kita yang mempunyai pendedahan kepada dunia terutama dunia perniagaan secara global.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mempunyai hubungan yang erat dengan syarikat-syarikat yang berminat untuk memberikan sumbangan ke arah usaha-usaha mempertingkatkan lagi kecemerlangan di bidang pendidikan ini. Salah satu daripada penelitian yang dibuat oleh Jawatankuasa Penasihat yang ada di kementerian itu ialah untuk membincangkan perkara-perkara seperti ini dan sekiranya ada syarikat-syarikat seperti yang disebutkan itu berminat untuk berbuat demikian, memang kita menggalakkan dan sudah adapun setengah-setengah daripada mereka itu memberi peluang kepada pelajar-pelajar tersebut.

BEKALAN ELEKTRIK DI PULAU PINANG - GANGGUAN

8. Tuan N. Marimuthu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) langkah-langkah alternatif dan pelan kontigensi yang diambil oleh TNB untuk mengelakkan gangguan elektrik seperti yang berlangsung di Pulau Pinang baru-baru ini;
- (b) sama ada TNB bercadang membayar pampasan kepada pengguna-pengguna elektrik terutama kepada kilang-kilang perusahaan yang mengalami kerugian akibat gangguan elektrik di Pulau Pinang baru-baru ini; dan
- (c) jumlah kerugian yang dialami oleh pengguna elektrik di Pulau Pinang akibat kerosakan kabel tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan,

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Tenaga Nasional Berhad telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah penghantaran bekalan elektrik ke Pulau Pinang. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-
 - (i) memasang kabel dasar laut (sub-marine cable) 275kv secara fast track yang dijangka siap pada akhir tahun 1996. Apabila pemasangan kabel dasar laut ini disempurnakan kelak, kita akan dapat membekalkan sebanyak 1,000mw bekalan elektrik ke Pulau Pinang dari Semenanjung.

- (ii) Memasang set janakuasa elektrik berkapasiti 110mw di Gelugor. Projek ini dijangka siap dan mula beroperasi pada bulan November tahun ini juga.

 - (iii) Di samping itu TNB telah mengambil tindakan bagi melindungi penyambungan (joint) setiap kabel di bawah Jambatan Pulau Pinang serta menggunakan bahan-bahan yang tidak mudah terbakar sebagai pemisah di antara kabel-kabel berkenaan.

 - (iv) Sekiranya berlaku “tripping”, TNB juga akan mengadakan koordinasi yang lebih lengkap di antara TNB dengan agensi-agensi lain terutama pihak bomba dan pihak berkuasa yang lain.
- (b) Mengenai pampasan, TNB akan patuh dengan peruntukan undang-undang di dalam perkara ini iaitu Akta Bekalan Elektrik 1990 Seksyen 17. Sekiranya pihak TNB dibuktikan cuai (proven negligent) pihak TNB akan membayar pampasan.

- (c) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah kerugian yang dialami oleh semua pihak yang terlibat dengan gangguan bekalan elektrik di Pulau Pinang ini, setakat ini masih belum diketahui kerana tiada terdapat maklumat yang diterima daripada pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Gangguan elektrik bukan sahaja terjadi di Pulau Pinang, di negeri-negeri lain lebih kurang juga tetapi tidak serius macam Pulau Pinang. Mungkin akan lebih serius pada masa akan datang, itu kita tidak boleh sangka. Jadi, soalan saya, adakah kementerian sedar perkara ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tersedar sahaja?

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Ng See Tiong. Kementerian memang sedar tentang perkara ini, banyak perkara yang menyebabkan berlakunya gangguan bekalan elektrik khususnya di kawasan yang mengalami atau menghadapi masalah low voltage atau over loading, yang disebabkan oleh permintaan yang meningkat dengan begitu cepat, oleh kerana perkembangan dan kemajuan perindustrian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian melalui TNB telah pun ada rancangan yang menyeluruh untuk mengatasi masalah ini. Umpamanya

dalam tahun kewangan 1994 dan 1995, pihak TNB telah membina sebanyak 2,600 buah pencawang baru di seluruh negara untuk mengupgrade ataupun meningkatkan voltage di kawasan-kawasan yang menghadapi low voltage. Gangguan juga berlaku semasa TNB menjalankan kerja untuk penyelenggaraan ataupun maintenance.

Bagi mengurangkan gangguan dalam aspek ini, TNB akan memperkenalkan satu sistem baru yang dikenali sebagai system 'life line', di mana kerja-kerja pembaikan ataupun penyelenggaraan dijalankan pada kabel-kabel hidup. Maka dengan cara ini gangguan tidak akan berlaku semasa kerja penyelenggaraan dijalankan.

Satu punca yang lain, yang menyebabkan gangguan ialah kerja-kerja penggorekkan jalan. Dalam hal ini TNB akan mengambil tindakan segera bagi memperbaiki kerosakan dan gangguan tersebut serta lebih banyak pusat perkhidmatan ataupun pusat pembaikan telah pun diadakan diseluruh negara, termasuk kita akan memperbanyakkan bilangan mobile generator bagi mempercepatkan pembekalan elektrik di tempat-tempat yang menghadapi gangguan. Maka dengan semua langkah ini, pihak kementerian yakin bahawa masalah gangguan ini dapat diatasi.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Soalan tambahan. Sebagaimana telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa gangguan elektrik

di Pulau Pinang telah melibatkan banyak kerugian dan Kerajaan Negeri juga telah memutuskan untuk memohon supaya pampasan diberi pada pengguna.

Saya ingin hendak bertanya sama ada kementerian setuju ataupun tidak dan apakah bentuk pampasan yang telah dipersetujui oleh TNB kepada pengguna-pengguna yang telah terlibat dengan gangguan baru-baru ini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada soalan ini telah pun dijawab oleh saya sebentar tadi.

Mengenai pampasan, kita akan mengikut undang-undang. Kalau sekiranya pihak TNB dibuktikan cuai, kita akan bayar dan bayaran ini akan diarahkan oleh pihak mahkamah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada mana-mana pihak yang menghantar tuntutan ataupun membawa TNB ke mahkamah berikutan kerosakan di Jambatan Pulau Pinang ini.

Mengenai usul yang diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, ini bukan hendak menuntut pampasan tetapi bayaran secara ex-gratia dan perkara ini kita akan serahkan kepada pihak TNB sama ada mereka hendak membayar secara ex-gratia. Kalau sekiranya hendak bayar bentuk pembayaran ini kita akan serahkan kepada pihak TNB. Setakat ini belum ada keputusan diambil oleh pihak TNB.

9. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan akhir-akhir tahun ini, projek skim perumahan maju dengan pesatnya di merata-rata sudut negara ini. Fenomena ini mengimplikasikan kemajuan yang dibawa oleh ekonomi negara. Semasa kita memuja kemajuan kebendaan, kemajuan ilmiah perlu dititikberatkan. Oleh itu, sukalah saya menanya bahawa adakah terdapat sebarang undang-undang atau syarat bertulis yang menyatakan bahawa dalam satu skim perumahan bagi suatu jumlah bilangan tertentu perlu didirikan sebuah sekolah rendah bagi kemudahan anak-anak murid.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan piawaian rancangan untuk dijadikan garis panduan kepada semua pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi perancangan dalam penyediaan kemudahan pendidikan.

Garis panduan ini meliputi keperluan bagi taman didikan kanak-kanak sekolah rendah dan sekolah menengah. Kementerian juga memastikan bahawa piawaian ini diikuti dalam penyediaan rancangan tempatan bagi pihak berkuasa tempatan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan “community centre” untuk menjadi satu kemudahan bagi wanita-wanita yang bekerja terutamanya bagi penjagaan anak-anak walaupun disebutkan tadi ada pusat-pusat pendidikan kanak-kanak.

Jadi, apa yang saya maksudkan ialah satu “community centre” di mana anak-anak dapat tempat ditinggalkan dalam penjagaan atau kawasan semasa ibu bapa bekerja dapat makanan, dapat belajar dan tuisyen dan seterusnya

sehinggalah ibu bapa mereka pulang dari kerja. Ini adalah juga satu cara untuk mengelakkan masalah-masalah sosial yang ketara sekarang atas sebab anak-anak ditinggal tanpa pengawasan yang sempurna.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang boleh kementerian memang memastikan bahawa taman-taman ini ada mempunyai dewan-dewan ataupun dewan orang ramai, bagi rancangan perumahan kos rendah untuk membolehkan penduduk-penduduk dalam taman yang berkenaan menggunakan tempat yang tersebut bagi apa-apa rancangan yang dikehendaki oleh mereka.

Selain daripada itu kementerian juga memastikan bahawa bagi satu-satu kawasan perumahan yang mempunyai 2,500 penduduk, maka digalakkan supaya diadakan kawasan tadika. Bagi kawasan perumahan dengan penduduk lebih daripada 7,500 orang, maka digalakkan untuk diwujudkan sekolah kebangsaan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa apabila sesuatu kawasan perumahan itu diluluskan, biasanya Majlis Tempatan mengehendaki beberapa kawasan lapang dan selepas beberapa tahun diluluskan, Majlis Tempatan pula menswastakan kawasan-kawasan lapang yang telah pun diserahkan oleh pihak pemaju pada pihak Majlis Tempatan tadi, umpamanya di kawasan Petaling Jaya dan Subang Jaya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba tadi. Itulah sebabnya dalam pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa yang akan dibahaskan di Dewan yang mulia ini pada mesyuarat ini kita akan memperketatkan lagi syarat-syarat berkenaan dengan perkara yang tersebut.

Adalah diharapkan supaya Kerajaan-kerajaan Tempatan tidak dengan sewenang-wenangnya menukarkan syarat daripada kawasan lapang kepada kawasan yang boleh didirikan bangunan.

INFLASI - TINDAKAN MEMBENDUNG

10. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah kerajaan dalam membuat sesuatu tindakan berkesan tentang pembendungan inflasi dari aspek mengurangkan defisit akaun, mencepatkan pertumbuhan, mengatasi masalah bekalan dan tenaga buruh yang mula menampakkan begitu ketara di akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi yang diasaskan kepada Indeks Harga Pengguna dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini telah dapat dikawal pada paras yang membanggakan iaitu daripada 4.7% pada tahun 1992 kepada 3.7% pada tahun 1994.

Kadar inflasi di seluruh negara pada tahun ini iaitu hingga bulan Julai 1995 adalah 3.5% iaitu satu paras yang jauh lebih rendah berbanding kadar 3.9% yang telah dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Kerajaan telah melaksanakan strategi dan langkah-langkah jangka pendek, sederhana dan panjang bagi membendung inflasi iaitu menerusi dasar-dasar kewangan, fiskal dan pentadbiran.

Dasar kewangan bertujuan menguruskan tahap permintaan, mengurangkan tahap kecairan dan meningkatkan tabungan di dalam ekonomi. Sementara dasar fiskal dilaksanakan dalam operasi belanjawan tahunan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan iaitu menerusi dasar-dasar percukaian dan perbelanjaan, manakala dasar pentadbiran adalah untuk mengawal kenaikan jangkaan inflasi menerusi peningkatan kesedaran awam mengenai bahaya inflasi dan penyebaran maklumat harga kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang paling sesuai untuk membendung inflasi dari aspek mengurangkan defisit akaun semasa ialah dengan menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan dan perkhidmatan tempatan. Memandangkan strategi ini dapat secara langsung mengurangkan kesan inflasi yang diimport. Sementara itu suatu Jawatankuasa Kabinet mengenai sektor khidmat dagang yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah ditubuhkan bagi menangani defisit akaun semasa khususnya defisit akaun perkhidmatan.

Jawatankuasa yang ditubuhkan telah mengenal pasti beberapa isu yang menyebabkan defisit akaun perkhidmatan negara yang berterusan. Di samping itu jawatankuasa juga menyedari peranan sektor perkhidmatan yang produktif dan

efisien, contohnya perkhidmatan pelabuhan dan perkapalan yang memudahkan perdagangan antarabangsa yang secara tidak langsung akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jawatankuasa juga telah memperkenalkan pelbagai langkah bagi meningkatkan keupayaan negara dalam mengeksport perkhidmatan serta menggantikan perkhidmatan yang diimport khususnya berkaitan dengan pengangkutan dan insurans, pelancongan, pendidikan dan khidmat rundingan.

Seterusnya langkah-langkah yang strategik telah diambil untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing menggunakan sumber-sumber tempatan dan pelaburan semula oleh pelabur asing tersebut. Selain daripada itu jawatankuasa tersebut juga menggalakkan pelaburan oleh syarikat-syarikat tempatan ke luar negeri. Hasil keuntungan yang akan dibawa pulang itu akan dapat mengurangkan defisit akaun semasa negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, permintaan untuk pekerja telah mengatasi bilangan mereka memasuki pasaran buruh. Kekurangan tenaga buruh mahir dan kurang mahir telah menjadi ketara terutamanya di negeri-negeri Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja-pekerja mahir dan profesional dari luar negeri. Sementara langkah jangka panjang pula, kerajaan menggalakkan sektor perkilangan beralih ke arah pemerosesan pengeluaran berteknologi tinggi dan penjimatan tenaga buruh

supaya dapat meningkatkan produktiviti buruh dan mengurangkan kos buruh seunit.

Kerajaan juga sedar bahawa kecukupan tenaga manusia yang berkemahiran dan terlatih serta berkemampuan teknologi adalah mustahak bagi membantu peralihan yang berterusan ke arah pemerosesan pengeluaran berteknologi tinggi dan meningkatkan keupayaan negara dalam bidang inovasi, penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, usaha-usaha untuk membangunkan sumber manusia amat digalakkan. Satu tabung bantuan kewangan bagi melatih pekerja-pekerja dan kakitangan telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Di samping kerajaan juga membiayai program-program latihan kemahiran dan program-program di bawah IRDA ataupun Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berapakah angka petunjuk inflasi sepanjang tahun ini setakat enam bulan pertama. Ini kalau ada maklumatlah.

Apakah kerajaan masih memakai Consumer Price Index sebagai angka tunjuk menentukan peratus inflasi kerana Consumer Price Index ini hanya menitik-beratkan barang-barang keperluan tetapi kita lihat seperti harga kereta, harga rumah, barang-barang keperluan sampingan yang berteknologi tinggi seperti karaoke, TV, ini pun naik harga. Tetapi ini tidak diambil kira. Yang diambil kira

ialah senarai yang ditunjuk di bawah Consumer Price Index yang saya kira mungkin tidak relevan lagi dalam konteks untuk menentukan kedudukan inflasi di negara kita. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama, kadar pada tahun ini ialah 3.5%.

Mengenai soalan yang kedua, ingin saya nyatakan di sini tidak ada lain jalan untuk mengetahui mengenai dengan inflasi. Consumer Price Index adalah satu alat yang diterima secara convention oleh keseluruhan ahli ekonomi dalam dunia sebagai alat untuk mengukur inflasi. Apabila ianya diterima sebagai convention, item-item di dalam karung (basket) Consumer Price Index itu dipersetujui. Item yang pertama ialah makanan, yang kedua transport, ketiga bahan bakar dan yang keempat yang lain-lain lagi.

Kita tidak dapat mengubah item-item ini kerana ianya menjadi convention seluruh dunia. Kalau kita ubah, kadar yang akan kita tunjuk dalam negara kita tidak dapat dibandingkan dengan negara lain. Ini adalah standard convention. Saranan-saranan yang dibuat dalam Dewan Rakyat meminta supaya kita ada CPI sendiri berasaskan kepada permintaan tempatan, boleh kita buat untuk menunjukkan keadaan pada lokasi-lokasi tertentu tetapi kita tidak boleh menggunakannya untuk membandingkan kadar inflasi negara kita dengan Amerika, Indonesia dan dengan Thailand.

Untuk kita menukarkan CPI ini kita perlu adakan satu convention seluruh dunia, ahli-ahli ekonomi duduk bersama cari cara lain baru boleh kita ubah. Kalau hendak ubah pun kita kena tengok di Kelantan macam mana, di Kedah macam mana, hanya setakat itu sahaja dan tidak boleh dipakai untuk perbandingan dengan negara-negara lain. Jadi, itulah kedudukan sebenarnya yang dipanggil CPI itu.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Langsung daripada jawapan kepada Datuk Ibrahim Ali. Kita terima CPI sebagai indeks untuk menentukan inflasi. Tetapi setakat manakah bundut ataupun karung relevan dari semasa ke semasa. Berapa lama sekalikah dikaji wajaran-wajaran yang diberi kepada barangan di dalam karung indeks kita?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa yang tertentu (time frame) untuk kita mengkajinya seperti kita mengkaji sensus 10 tahun sekali. Tetapi apa yang ada di dalam bakul itu menunjukkan pola-pola response manusia kepada peningkatan pendapatan. Manusia dia meresponse dahulu. Apabila pendapatannya meningkat, dia memperbaiki dan mencukupi makanannya.

Kedua, dia memperbaiki keadaan rumahtangganya, kependudukannya, transport dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Haji Hamzah pun tahu sebab dia pun student of economy juga. Di dalam ekonomi, sebab itu kita kata bukan exact science. Jadi, bagi kita untuk memastikan sesuatu ukuran itu sebagai satu ukuran yang rigid tidak boleh. Ini terletak kepada response manusia. Selagi manusia mempunyai wang lebih dan

dia hendak makan lebih maka kita tidak dapat menukarnya. Cuma yang ditukar hanyalah weightage ataupun wajaran Yang Berhormat katakan tadi. Apakah pada satu tahap pembangunan sesuatu masyarakat, ia tidak penting lagi untuk menambahkan bahan makan, dia tambah yang lain, itu boleh ditukarkan. Tetapi mengikut convention seperti mana yang saya katakan tadi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan kecil sahaja. Kita ucapkan tahniah kepada pendekatan yang dibawa oleh pihak kerajaan dan strateginya di mana inflasi telah dibendung dengan baik daripada 4.7% kepada 3.5%. Tetapi memandangkan di dalam CPF pun termasuk juga kos transport tadi. Adakah pihak kerajaan mengkaji tuntutan yang dibuat oleh PLUS untuk hendak menaikkan tol sehingga 30%, implikasinya terhadap strategi kerajaan untuk hendak membendung inflasi di mana transport itu merupakan salah satu komponen daripada karung tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Besar soalan itu, bukan kecil.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya kerajaan masih lagi mengkaji cadangan PLUS walaupun PLUS berhak menuntutnya sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian antara PLUS dengan kerajaan. Tetapi kerajaan tidak memberi response secepat mungkin, dan kerajaan masih lagi mengkajinya. Adalah relevant kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, kerana di dalam wajaran transport memang tinggi juga komponen transport dalam CPI ini. Kalau dinaikkan, kemungkinan tahap inflasi kita akan naik, sebab jalan raya yang dikendalikan oleh PLUS banyak digunakan oleh rakyat Malaysia. Sebab itulah kerajaan mengambil masa untuk mengkaji permintaan PLUS ini.

**SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU -
REAKSI TERHADAP CADANGAN PEMECATAN**

11. **Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimana sambutan negara-negara asing terhadap cadangan Perdana Menteri supaya Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu dipecat.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama maksudnya telah pun dijawab dalam Dewan Negara ini pada 4hb. September, 1995 yang lalu. Namun demikian, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri sedang dalam proses perbincangan negara-negara anggota persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, terutamanya negara-negara yang sealiran pendapat mengenai perkara ini seperti negara-negara OIC bagi mendapatkan pandangan dan sokongan mereka kepada cadangan yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan perkara ini.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengemukakan usul agar PBB dibubarkan dan satu institusi antarabangsa yang lebih berkesan diwujudkan. Jika the league of nations yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Pertama telah diganti dengan PBB, kerana kegagalannya untuk memastikan kedamaian di dunia, maka PBB juga telah berusia 50 tahun dan kini merupakan sangat mandul dan sudah obsolete, ketinggalan zaman.

Dr. Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, pada masa kini kita belum ada cadangan itu. Ingin saya

maklumkan di sini bahawa PBB adalah memainkan peranannya juga dalam pencapaian-pencapaiannya 50 tahun ini. Yang dimaksudkan dalam soalan asal tadi ialah Setiausaha Agung PBB yang telah tidak menunjukkan keupayaan untuk mengendalikan krisis di kawasan Bosnia-Herzegovina. Pada masa kini kita belum ada cadangan kerana PBB adalah satu wadah antarabangsa, di mana banyak masalah pun masih dapat diperbincangkan dan juga usaha-usaha untuk menyelesaikan perkara-perkara yang timbul di antarabangsa.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan tambahan sedikit sahaja. Berapa banyakkah negara-negara asing yang bersama ilham dengan Perdana Menteri kita untuk memecat Boutros Boutros-Ghali daripada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat memberi data mengenai apa yang telah dinyatakan, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dengan terangnya maksud untuk menyampaikan mesej kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu ini terhadap usaha beliau dalam menyelesaikan masalah di Balkan.

KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) - LANGKAH MENGURANGKAN KEMALANGAN

12. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa kebelakangan ini didapati semakin kerap berlaku kemalangan membabitkan Keretapi Tanah Melayu (KTM):

- (a) apakah langkah-langkah yang dirancang untuk mengurangkan/mengelakkan kemalangan tersebut; dan
- (b) adakah KTM bertanggungjawab penuh mengawal-selia semua pintu pagar (gate) jalan-jalan raya yang melintasi rel kereta api atau ada hubungan dengan pihak-pihak lain terutama pemilik perusahaan berhampiran jalan kereta api.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada -

- (a) Langkah-langkah yang dirancang bagi mencegah kemalangan kereta api adalah seperti berikut:-
 - (i) kerja-kerja membaikpulih landasan untuk mengukuhkan tapak landasan yang dikenalpasti sebagai kurang memuaskan.
 - (ii) gerabak dan koc yang telah lanjut usianya atau prestasi mekanismenya tidak memuaskan akan dihapuskan secara berperingkat;
 - (iii) mengadakan pelbagai langkah bagi menyedarkan masyarakat tentang bahaya menceroboh di kawasan kereta api dengan mengeluarkan pelbagai risalah dan iklan menerusi saluran TV, Radio dan juga akhbar;
 - (iv) KTMB juga menubuhkan pasukan khas bagi mengadakan ceramah-ceramah dan pameran bergerak khususnya di sekolah, balai raya, kilang dan tempat-

tempat awam yang berhampiran dengan kawasan landasan kereta api.

(b) Lintasan keretapi atau gate keretapi adalah terbahagi kepada tiga jenis:-

- (i) lintasanrata awam;
- (ii) lintasan persendirian/swasta; dan
- (iii) lintasan kerja KTMB.

KTMB adalah bertanggungjawab menjaga dan mengawal sepenuhnya lintasanrata awam dan lintasanrata kerja KTMB.

Bagi lintasanrata persendirian pula ianya adalah di bawah tanggungjawab syarikat atau pihak persendirian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dapati bahawa soalan nombor 12 ini lebih kurang dengan soalan No. 4 tadi. Jadi, jawapan soalan No. 4 tadi pun saya rasa merangkumi soalan No. 12. Jadi, saya cadangkan sekali lagi kalau boleh kita rangkumkan sekali, okay, lebih kurang.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 4 dan No. 12, itu pandangan saya.

BALAK DARI PROJEK BAKUN - KESAN PENGELUARAN KE ATAS HARGA

13. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) anggaran pengeluaran balak semasa membersihkan hutan untuk projek Bakun; dan
- (b) apakah kemungkinan kesan harga balak di Malaysia daripada pemotongan balak yang banyak di kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zaiab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri telah menganggarkan hasil balak yang boleh diperolehi semasa membersihkan hutan untuk memajukan Empangan Bakun ialah 1.5 juta meter padu untuk kayu balak yang berukuran lebih 20 cubic meter lilitan atau 22.8 juta meter padu untuk balak yang berukuran lebih dari 15 cubic meter lilitan.

Harga balak adalah ditentukan oleh keadaan permintaan dan penawaran di pasaran dunia, dan bukan oleh kerajaan kita. Dengan itu, pengeluaran balak dari projek Bakun tidak semestinya mengurangkan atau meningkatkan harga balak secara langsung. Tambahan pula, pengeluaran kayu balak dijangka mengambil masa selama 7 tahun sebelum empangan disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan untuk Jawab Mulut.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 60 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PENJARA 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [6hb. September, 1995]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ding Seling, sila sambung.

3.38 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk menyambung ucapan saya pada 6hb September. Pada pengakhiran masa semalam, saya sedang mengemukakan cerita tentang salah satu daripada pengalaman langsung dengan mereka yang pernah menjadi banduan ataupun dipenjarakan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya memberi treatment sampaikan cerita itu adalah yang pertama untuk mengutarakan satu isu, iaitu isu dasar mengenai apakah tujuan utama negara kita untuk mengadakan institusi penjara. Keranan yang kita

lihat, ada orang yang keluar masuk penjara dan mereka ini masih dalam umur yang muda, di bawah umur 40-an, ada juga dalam 20-an, yang pernah saya sendiri jumpa adalah orang minor, dengan izin, dan mereka keluar masuk juga. Jadi, dalam pandangan ringkas itu nampaknya pengalaman mereka dalam penjara walaupun mungkin tidak lama, tidak menjadi satu pengajaran bagi mereka. Jadi, saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan ingin menegaskan ataupun sedang menegaskan bahawa aspek-aspek pemulihan ke arah nilai-nilai perikemanusiaan ataupun nilai-nilai murni hendaklah didedahkan kepada mereka yang telah didapati bersalah. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak menyentuh perkara-perkara orang yang ditangkap kerana kesalahan seperti politik dan sebagainya, saya hanya sentuh perkara penjenayahan. Jadi, itulah yang saya maksudkan tadi, kalaulah mereka telah melakukan sesuatu kesalahan satu kali seperti merogol ataupun mencuri satu kali ditangkap, keluar lagi, masuk lagi dan kalau begitu nampaknya institusi penjara kita belum lagi mempunyai aspek pemulihan yang sepatutnya ditegaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyebut perkara ini, ingin saya membuat satu cadangan apa kata kalau kerajaan fikirkan satu institusi di mana murid-murid atau budak-budak dalam lingkungan dalam belasan tahun iaitu murid-murid sekolah yang sering kita perkatakan dalam Dewan yang mulia ini dahulu yang terlibat dalam budaya lepak, kemungkinan ada kaitan budaya lepak ini dengan jenayah nanti. Jadi, saya ingin cadangkan apakah kerajaan boleh fikirkan satu institusi

yang boleh kita membentuk katakan rumah masyarakat di mana budak-budak yang balik dari sekolah, ibu bapa mereka tidak ada di rumah kerana sekarang ini kita pun sedia maklum, ibu bapa sibuk bekerja mencari wang ringgit, jadi ramai budak-budak sentiasa yang balik ke rumah tidak ada ibu bapa mereka di sana dan mereka pun melepak, kemungkinan mereka didedah dengan nilai-nilai yang kurang baik ataupun terpengaruh oleh nilai-nilai yang tidak baik ataupun mereka menjadi mangsa orang yang mempunyai niat jahat terhadap muda mudi ini.

Jadi, kalau boleh adakan satu rumah masyarakat di mana budak-budak itu pergi dan di situ mereka diberi aktiviti yang membangun ataupun aktiviti-aktiviti di mana mereka menggunakan tenaga mereka dan boleh berinteraksi di antara satu sama lain. Saya rasa di sebuah negara di Barat, mereka ada satu institusi di mana budak-budak mulai dari umur 10 tahun ke bawah, mereka ditinggalkan di tempat itu, hanya balik di hujung minggu, bersama-sama dengan ibu bapa mereka dan ditempat itu, cara jagaan juga cukup baik sehingga kanak-kanak itu pun tidak merasa mereka dideprivasikan kerana saya berasa, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kanak-kanak ini selalu rasa tidak dijaga, mereka memang merasa kehidupan mereka tidak mempunyai makna, jadi oleh itu mungkin mereka mudah dipengaruhi oleh keadaan-keadaan persekitaran mereka.

Berbalik kepada perkara masuk balik ke dalam penjara tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan apakah boleh pihak kementerian atau kerajaan membentangkan ataupun mengumpul statistik, dengan izin, perangkaan

mengenai umur mereka yang terlibat dalam jenayah dan berapakah antara mereka itu yang pulang balik ke penjara dan apakah latar belakang dan persekitaran mereka, kemungkinan butir-butir yang seperti itu boleh menjadi satu panduan bagi negara kita merancang aktiviti-aktiviti sosio ekonomi di masa-masa hadapan agar semua pengalaman kita dari segi yang buruk ini juga iaitu mengenai dengan jenayah boleh kita gunakan untuk membangun negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya dengan menyentuh perkara yang spesifik dalam Rang Undang-undang ini iaitu suatu akta menyatukan dan memindahkan undang-undang berhubung dengan penjara, banduan dan perkara-perkara yang berkaitan.

Pertama sekali, pada Bahagian I, di mana kita lihat banyak ungkapan-ungkapan yang telah diberi makna, saya lihat di sini adalah mengikut abjad atau a, b, c tetapi apabila kita lihat dalam ungkapan yang sama, diterjemahkan dalam bahasa Inggeris, juga mengikut abjad, jadi saya ingin tanya sedikit, ini perkara kecil, tetapi kenapakah dalam bahasa Inggeris juga mengikut abjad a, b, c dan juga Bahasa Malaysia a, b, c - bolehkah kita adakan penterjemahan dari Bahasa Malaysia ke bahasa Inggeris itu mengikut order, dengan izin, dalam Bahasa Malaysia, ini hanya satu perkara kecil sahaja, tetapi saya agak keliru apabila membaca kedua-dua perkara itu.

Yang kedua, mengenai perkara terperinci, yang saya ingin sentuh dalam Rang Undang-undang ini, ialah Bahagian II, seksyen 9 dan subseksyen (2) iaitu

mengenai 'kuasa Ketua Pengarah Penjara'. Dalam subseksyen (2) ini yang berbunyi begini:

“Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa membuat apa-apa pemindahan dan mengarahkan pengambilan kerja dan pengagihan pegawai penjara sebagaimana yang difikirkannya patut”.

Saya tidak menyoal mengenai kuasa tetapi saya hanya sentuh dalam isu perkara pengambilan kerja. Pengambilan kerja yang dimaksudkan di sini, saya rasa adalah untuk menjadi pegawai penjara, jadi yang saya hendak sentuhkan di sini ialah apakah ciri-ciri pegawai-pegawai ataupun yang bakal menjadi pegawai itu kerana kita lihat dalam subseksyen-subseksyen yang seterusnya, misalnya Bahagian III, seksyen 25, “Pegawai Penjara mempunyai kuasa sebagai Pegawai Polis” yang disebut di situ dan juga Bahagian III, subseksyen 25 - “Mereka tidak boleh membentuk ataupun menjadi ahli kesatuan”.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dalam perkara itu, mereka ini dalam fikiran saya hendaklah orang yang begitu profesional dan juga yang ketiganya, mereka juga orang yang berinteraksi secara langsung ataupun 'direct' dengan orang yang dalam 'jail' ataupun dalam penjara. Jadi, orang yang dalam penjara itu seperti yang kita sedia maklum termasuk yang melakukan berbagai kesalahan jenayah. Jadi, apakah ciri-ciri pegawai yang bakal untuk menjadi pegawai penjara itu, adakah mereka dipilih dari lepasan sekolah ataupun lepasan universiti ataupun adakah mereka akan diberi latihan-latihan pra-perkhidmatan untuk membolehkan mereka

mempunyai kebolehan kepakaran berinteraksi, mengawal dan menjaga mereka yang dalam jagaan mereka iaitu orang-orang dalam penjara. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh sedikit lagi mengenai satu lagi subseksyen iaitu mengenai Bahagian V, subseksyen 50(1) yang menyebut mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh banduan di masa dalam penjara. Di sini saya ingin sebutkan sedikit iaitu bagaimanakah caranya di antara banduan dan pegawai-pegawai yang menjaga mereka. Adakah mereka dalam penjara yang sedang serving sentence, dengan izin, melakukan kesalahan di situ dan seterusnya akan menghadapi satu lagi judgement, dengan izin, iaitu yang diberi oleh pegawai-pegawai di situ. Adakah ini nanti akan menjejaskan kedudukan mereka iaitu banduan sekiranya mereka tidak pandai atau pun tidak tahu bagaimana hendak membentangkan kes-kes mereka apabila ditangkap oleh pegawai-pegawai di situ.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sentuh dalam perkara ini iaitu bahagian yang terakhir sekali - Bahagian VII, mengenai bilangan dari Lembaga yang menziarahi (visit) penjara. Di sini disebutkan tidak kurang dari seorang. Saya ingin mencadangkan bagaimana kalau kita tentukan dua orang kerana kalau kita benarkan seorang sahaja pergi mungkin ada perkara-perkara yang tertentu dan mereka tidak berani untuk mengambil keputusan. Saya sebut begini, oleh kerana ini juga dari pengalaman saya sekali dahulu di mana saya terlibat di dalam perkara begini, di mana kita perlukan dua orang supaya apabila kita melihat keadaan dalam tempat yang kita periksa tadi, sebagai pegawai yang pergi ke situ, kita berbincang

dahulu supaya kita boleh membentangkan satu laporan atau satu rekod yang begitu kemaskini, agar apa yang kita lakukan itu akan membawa kesan kepada tempat yang kita ziarahi itu.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya sebenarnya menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini dan apabila telah membacanya saya lihat ini adalah satu lagi cara kerajaan kita menunjukkan keprihatinan terhadap mereka, walau pun mereka telah menyeleweng kerana telah melakukan perkara-perkara yang tidak diinginkan dalam masyarakat kita. Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Sairin bin Karno.

3.55 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang Penjara, 1995. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kerana terlantik sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara. Insya-Allah, akan saya manfaatkan jawatan ini untuk agama, bangsa dan negara.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih. Memperkatakan Rang Undang-undang (Pindaan) 1995, pertama saya ingin menyokong penuh pindaan ini kerana saya yakin ini adalah satu langkah bijak oleh kerajaan. Syabas dan tahniah. Satu hal yang perlu dilihat secara positif

sebelumnya, sama ada cadangan atau tambahan dibuat, ada satu kisah yang berlaku di satu daerah bernama Kampung Padang Tembak, Tanah Merah, Keningau, Sabah, Malaysia. Pemuda ini berumur 24 tahun, isteri seorang dan anak 3 setengah.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana 3 setengah itu?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Isterinya sedang sarat mengandung.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, begitu. Ada statistik macam itu di Sabah?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Barangkali, kalau itu boleh digunakan sebagai satu istilah baru.

Tuan Yang di-Pertua: Itu Tanah Merah di Sabah? Bukan Tanah Merah di Kelantan?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Bukan. Pemuda berumur 24 tahun ini gagal Tingkatan 3 atau SRP, lalu beliau bekerja sebagai mekanik selama 4 tahun. Sebelum beliau menjadi mekanik, pakcik kepada beliau bekerja sebagai seorang anggota tentera dan anggota tentera ini kadang-kadang membawa senjata ke rumahnya dan si anak ini yang pada masa itu berumur 8 tahun sentiasa berminat sangat melihat senjata yang cukup canggih iaitu M16. Secara kebetulan, kampung ini bernama Kampung Padang Tembak, sebab kampung inilah di mana ditempatkan tempat latihan untuk menembak. Anak ini cukup minat untuk melihat kompas - satu tidak tahu apa nama dia - “peluru yang telah digunakan”, dengan M16 yang hanya beliau perhatikan, semasa dibersihkan oleh pakciknya. Telah

berlaku kemalangan kepada pakciknya lalu meninggal. Setelah 24 tahun, anak ini yang berumur baru 8 tahun pada masa pamannya meninggal dan 4 tahun setelah bekerja sebagai mekanik, beliau telah cuba-cuba membuat senjata M16 ini dan juga peluru M16.

Beliau berjaya membuat senjata M16 yang menurut kawan-kawan saya dari pihak keselamatan, lebih canggih daripada M16. Peluru yang beliau buat pun boleh dikatakan bolehlah, walaupun barangkali tidak sebagus buatan asalnya. Tidak tahu bagaimana berlaku, tiba-tiba beliau ini telah ditangkap oleh pihak keselamatan. Secara kebetulan senjata yang beliau buat ada dirumah beliau dan beliau telah di bawa ke Kepyang, di mana pesalah-pesalah atau orang-orang yang bersalah ini di penjarakan. Beliau telah dibicarakan dan beliau telah dijatuhkan hukuman selama 8 tahun dan pada masa itu, seperti saya katakan lebih awal, isterinya tidak mempunyai pekerjaan, hanya sebagai suri rumah. Ibunya sudah tua dan anaknya tiga orang campur yang ada di dalam kandungan. Sehingga sekarang sudah hampir dua tahun dan orang ini masih ada dipenjara dan telah diberi sebatan, kalau tidak silap saya sebanyak 12 sebatan, hanya kerana membuat senjata M16.

Barangkali oleh kerana undang-undang kita memang memperuntukkan orang-orang yang membuat senjata ini di beri denda atau di hukum dengan hukuman yang berat seumpama itu, malah sebenarnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja. Di Sabah ini ramai orang-orang kampung yang canggih dalam membuat senjata api. Kadang-kadang dia nampak senjata api

buatan Itali - Baretta dan sebagainya, dia boleh buat lebih bagus daripada itu. Malangnya cuma mereka yang tidak ditangkap oleh pihak keselamatan, beruntunglah mereka dan saya dapat menyatakan bahawa memang senjata api buatan sendiri yang kita panggil 'bakakuk' masih banyak terdapat di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Dipanggil apa?

Tuan Haji Sairin bin Karno: "Bakakuk" - senapang patah buatan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: "Baka-uk"?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Bakakuk.

Tuan Yang di-Pertua: Biar senang tukang catat mencatatnya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Kadang-kadang orang panggil Proton Saga di sana. Jadi, orang yang mendapat atau dijatuhkan hukuman selama 8 tahun, 12 sebatan, barangkali kita bukan menyalahkan kerajaan tetapi, barangkali inilah antara, loophole, dengan izin, loophole undang-undang kita, kekurangan undang-undang kita yang perlu kita lihat secara positif. Positifnya bagaimana? Kalau boleh saya cadangkan agar pihak kerajaan dapat barangkali membuat atau meminda undang-undang berkenaan supaya orang-orang yang dikenakan tindakan seumpama ini, apa salah kalau mereka diberi kursus khas. Sama ada dihantar ke Amerika Syarikat, dihantar ke mana-mana negara pembuat senjata-senjata seumpama ini agar esok-esok nanti, kalau Proton Saga kita boleh buat, kalau kapal terbang kita bisa buat, kenapa senjata api ini kita tidak mampu buat?

Tetapi kalau inilah jadinya, maka anak-anak kita akan menjadi takut. Anak-anak bangsa kita akan takut untuk mencipta sesuatu yang baru seperti senjata yang saya sebutkan tadi. Untuk itu, apa cara, saya pun kurang pasti, kurang arif mengenai dengan sama ada pindaan ini dipinda atau wujudkan satu institusi untuk membuat senjata. Apa salahnya kalau esok-esok barangkali, Malaysia boleh membuat Scud, boleh membuat Patriot dan sebagainya agar kita boleh bantu negara-negara yang teraniaya seperti Bosnia. Tidak payah kita beli senjata dari sana-sini, kita sendiri buat senjata sebab ada anak-anak kita yang intelek, yang memang berkemahiran dalam bidang itu, yang boleh kita pupuk, yang boleh kita didik sehingga mereka ini menjadi 'genius' dalam membuat senjata-senjata canggih seperti ini.

Saya percaya rakyat Malaysia mempunyai kebolehan yang tersendiri, mempunyai macam-macam idea sesuai dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi, saya mohonlah supaya orang yang dihukum ini, kita tahu kalau boleh agar secepat mungkin diberi pertimbangan ianya diringankan hukumannya. Saya minta maaf barangkali, kalau tidak begitu sesuai dinyatakan di sini tetapi untuk makluman, saya telah menulis surat kepada pihak berkenaan dan mencadangkan beberapa hal ini tetapi surat saya tidak tahu sama ada sampai atau tidak sampai, tetapi sampai sekarang sudah hampir 2 tahun belum ada jawapan. Secara kebetulan orang ini adalah pengikut setia Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada saya mahu cadangkan atau saya mahu pindaan undang-undang, saya serahkan kepada kementerian untuk memikirkan apa yang sesuai untuk perkara ini.

Jadi, sekali lagi saya menyokong penuh pindaan yang telah dicadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Rahim bin Baba.

4.04 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut sama memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang Penjara 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah pun menggubal Rang Undang-undang Penjara 1995. Saya ucapkan tahniah kerana setelah saya meneliti Rang Undang-undang ini, saya tercari-cari di mana akta ibu ataupun rang undang-undang asalnya. Rupa-rupanya selama ini kita tidak mempunyai sebarang rang undang-undang mengenai penjara, hanyalah kita menggunakan Ordinan Penjara 1952 iaitu satu ordinan yang telah pun berusia lebih dari 43 tahun dan selepas 38 tahun kita merdeka, barulah kita sedar bahawa kita sendiri tidak mempunyai sebarang rang undang-undang mengenai penjara dan juga mengenai nasib mereka yang telah pun dipenjarakan dan kita masih lagi menggunakan ordinan yang telah pun digubal oleh penjajah pada tahun 1952 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan ialah bukan sahaja kita menggubal satu rang undang-undang yang baru tetapi juga di samping kita menggubal rang undang-undang, kita juga hendaklah memikirkan soal pembaharuan dari segi penjara-penjara yang terdapat di negara kita ini. Jadikanlah penjara sebagai tempat untuk memulih, bukannya tempat untuk menghukum semata-mata. Kalau kita lihat Penjara Pudu yang ada sekarang, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa Penjara Pudu yang ada sekarang ini kapasitinya ataupun merupakan penjara yang paling tinggi sekali ketumpatan penduduknya di kawasan Kuala Lumpur ini. Malangnya saya tidak ada statistik, tidak sempat saya hendak membuat kajian tetapi saya pernah terbaca bahawa Penjara Pudu adalah merupakan penjara yang paling tinggi sekali ketumpatan penduduknya ataupun banduan yang terdapat di kawasan itu. Kita berharap supaya apabila kerajaan membina, saya telah pun terbaca bahawa kerajaan akan membina beberapa lagi penjara baru, jadi kita berharap apabila kerajaan membina penjara-penjara baru, hendaklah diambil ingatan dan hendaklah difikirkan juga tentang keselesaan mereka yang menjalani hukuman penjara ini. Kerana telah pun saya katakan tadi, kita hendaklah menganggap bahawa penjara sebagai tempat pemulihan dan bukannya semata-mata sebagai tempat penghukuman.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun meneliti secara mendalam rang undang-undang ini dan saya ingin memberikan beberapa pandangan, beberapa

komen dan juga meminta supaya pihak kementerian dapat memberikan penjelasan-penjelasan yang diperlukan.

Pertamanya, saya pergi kepada Fasal 3. Saya minta Timbalan Menteri bersedia, iaitu, “Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana rumah, bangunan, kepungan atau tempat, atau mana-mana bahagiannya, sebagai suatu penjara bagi maksud Akta ini.....”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya diperjelaskan lagi mengenai tempat-tempat yang boleh dianggap sebagai penjara kerana kalau kita lihat kepada Fasal 19, “Seseorang pegawai penjara hendaklah terikat untuk berkhidmat di mana-mana bahagian dalam Malaysia atau di atas mana-mana vesel, pesawat udara, kereta api atau apa-apa kenderaan lain yang mana banduan sedang diangkut”.

Saya mengambil pengertian bahawa pihak ketua pengarah ataupun pihak menteri boleh juga mengisytiharkan mana-mana vesel ataupun pesawat udara, maknanya kapal terbang, yang membawa penjenayah-penjenayah ataupun banduan-banduan ataupun kereta api sebagai satu kawasan penjara. Begitu juga di kawasan-kawasan hospital umpamanya, malah di katil-katil hospital itu pun, agaknya boleh ditakrifkan sebagai satu tempat penjara supaya perkara ini dapat diperjelaskan supaya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Fasal 7 iaitu:-

“Adalah sah bagi Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* untuk menetapkan lokap di mana-mana Balai Polis dan juga bangunan mahkamah sebagai dinyatakan di dalam pemberitahuan itu sebagai tempat bagi pengurungan orang yang direman atau dihukum dengan apa-apa tempoh pemenjaraan tidak lebih dari satu bulan.”

Saya stresskan perkataan “tidak lebih dari satu bulan”.

Pada Fasal 8, subseksyen (4) pula, terdapat arahan atau perintah yang dibuat atau diberi oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) yang saya bacakan tadi hendaklah bagi tempoh tidak melebihi 3 bulan.

Di dalam subseksyen (1) mengatakan tidak melebihi satu bulan, tetapi di subseksyen (4) mengatakan hendaklah bagi tempoh yang tidak lebih daripada 3 bulan. Di sini saya nampak ada percanggahan, tetapi pada masa yang sama juga, di subseksyen 5 dibolehkan Ketua Pengarah melanjutkan tempoh keseluruhannya tidak melebihi 9 bulan.

Saya menimbulkan ini kerana kadang-kala oleh kerana kekurangan tempat-tempat di penjara, terdapat juga mereka yang direman atau dihukum terpaksa duduk di Balai Polis ataupun di bangunan-bangunan mahkamah melebihi daripada tempoh yang telah pun ditetapkan tadi. Katakanlah kalau dalam keadaan penjara sudah penuh, selepas itu, di bawah akta ini kita boleh menahan dia hanya untuk 9 bulan - maksimum. Jadi, adakah mereka ini akan ditahan selepas itu? Adakah

mereka ini akan dibebaskan oleh kerana tidak ada tempat lagi atau pun difikirkan apa-apa cadangan-cadangan yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya menyentuh kepada Fasal 22, subseksyen (3) di mana kuasa pegawai penjara menggunakan senjata api di mana di sini dinyatakan,

“Tiada seorang pun pegawai penjara boleh, dalam kehadiran pegawai atasannya menggunakan senjata api terhadap seorang banduan dalam hal perbuatan kegemparan atau percubaan untuk melarikan diri, kecuali di bawah perintah pegawai atasan itu.”

Cuma yang ingin saya tanyakan ialah, katakanlah dalam suatu suasana dan keadaan, terdapat tiga atau pun empat orang pegawai atasan bersama-sama. Umpamanya, orang yang paling senior, selepas itu ada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, selepas itu ada lagi seorang Pengarah. Jadi, perintah yang mana yang hendak diikuti? Adakah perintah salah seorang daripadanya atau pun perintah pegawai yang teratas sekali yang ada di dalam sesuatu keadaan? Ini juga saya harap akan dapat diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal gaji pegawai-pegawai penjara. Saya membabitkan Fasal 23:

“Tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang dinyatakan sebaliknya, seorang pegawai penjara, semasa bertindak

sedemikian hendaklah menurut jawatannya mempunyai semua kuasa, kewenangan, perlindungan dan keistimewaan seseorang pegawai polis.”

Maknanya, taraf seorang pegawai penjara adalah sama dengan taraf seorang pegawai polis. Tetapi saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa skim gaji pegawai penjara adalah lebih rendah daripada skim gaji pegawai-pegawai polis.

Pada saya, kita tahu susahnya bekerja sebagai pegawai polis, tetapi saya percaya lebih susah lagi bekerja untuk menjaga mereka yang telah pun ditangkap oleh polis, yang telah pun melakukan kesalahan-kesalahan.

Jadi, saya harap pihak kementerian dapat memikirkan supaya gaji yang setimpal - kalau pun tidak lebih daripada pegawai-pegawai polis, sekurang-kurangnya gaji pegawai-pegawai penjara hendaklah sama dengan gaji pegawai-pegawai polis.

Jadi, kita tidak mahu lagi mendengar kata-kata di mana keadaan-keadaan di mana berlaku rasuah, berlaku penyeludupan dan berlaku banduan-banduan yang lari yang besar kemungkinannya ada kaitannya dengan gaji atau pun oleh kerana desakan-desakan tertentu, pegawai-pegawai penjara ini melakukan perkara-perkara ataupun bersubahat dengan mereka yang cuba melarikan diri daripada penjara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin pergi kepada Fasal 50 iaitu di mana ianya melibatkan kuasa seorang Pegawai yang Menjaga di mana beliau ini

boleh menghukum banduan yang didapati bersalah. Di sini, saya ingin menimbulkan persoalan tentang kuasa pegawai yang menghukum banduan yang didapati bersalah. Apakah maknanya Pegawai yang Menjaga seorang banduan itu mempunyai kuasa yang mutlak apabila banduan-banduan membuat kesalahan di dalam kawasan penjara, bermakna Pegawai yang menjaganya itu boleh melakukan dengan sesuka hatinya? Adakah tidak ada perbicaraan atau pun mahkamah lain di dalam penjara sendiri untuk membicarakan banduan-banduan yang membuat kesalahan?

Saya rasa, kuasa yang diberikan kepada Pegawai yang Menjaga ini adalah satu kuasa yang terlalu tinggi hinggan boleh menjatuhkan hukuman sebat di bawah subseksyen (3) di mana ianya boleh mencadangkan hukuman sebat walaupun ianya tertakluk kepada pengesahan Menteri.

Ini maknanya Pegawai yang Menjaga banduan itu mempunyai kuasa yang terlalu tinggi dan saya khuatir kalau-kalau kuasa ini disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan yang di-Pertua, Fasal 58 adalah satu fasal yang saya harap sangat mendapat penjelasan yang sejelas-jelasnya daripada pihak kementerian kerana saya lihat di sini berlaku satu percanggahan yang besar di antara undang-undang yang biasa dengan undang-undang ataupun perkara yang terdapat di dalamnya. Saya bacakan kerana ini saya anggap satu perkara yang serius:

“Seorang yang menyeludup atau cuba untuk menyeludup suatu artikel yang dilarang ke dalam sesuatu penjara adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, bolehlah didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.”

Dalam seksyen ini, apa yang hendak saya katakan ialah artikel larangan, ertinya apa-apa dadah, wang atau arak. Yang saya hendak timbulkan ialah apa-apa dadah. Kalau di luar, dalam undang-undang biasa, undang-undang dadah, kalau seseorang itu dapat ditangkap, hukumannya ialah hukuman mati mandatori. Tetapi di sini, kalau dia cuba menyeludupkan dadah ke dalam penjara dan disabitkan kesalahan, dia hanya didenda RM2,000 ataupun dipenjara selama satu tempoh tidak melebihi 6 bulan.

Jadi, saya ingin penjelasan bagaimana takrif undang-undang kalau seseorang itu misalnya, dia cuba masuk ke dalam penjara, selepas itu dia cuba membawa dadah, hendak dimasukkan ke dalam penjara, hendak diseludupkan dan diberikan kepada banduan-banduan, apakah dia akan tertakluk kepada undang-undang ini seperti Fasal 58 atau pun dia tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada iaitu hukuman mati mandatori?

Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri pandai jawab nanti. Walau bagaimanapun, saya berharap ianya akan mendapat penjelasan kerana percanggahan yang sebegitu nyata tentang kedua-dua undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya ialah tentang Kumpulan Wang Hadiah ataupun wang amanah di mana di bawah Rang Undang-undang ini terdapat juga satu kumpulan wang atau akaun yang ditubuhkan sebagai Akaun Amanah dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Fasal 60 (2)(b), semua pemberian derma dan juga hadiah dan caruman yang boleh dibuat bagi kumpulan wang ini. Saya kluatir kerana di dalam beberapa fasal yang telah pun saya baca, terdapat satu fasal yang cuba mengelakkan pegawai-pegawai ataupun pegawai penjara daripada mengambil kesempatan - mempunyai hubungan dengan keluarga banduan ataupun dengan rakan-rakan banduan. Tetapi di sini saya kluatirkan mungkin ada pihak-pihak yang tertentu khasnya keluarga banduan pula yang akan menggunakan, yang akan memberi derma ataupun memberi hadiah untuk dimasukkan dalam akaun amanah ini dengan tujuan untuk mendapatkan keistimewaan layanan kepada banduan-banduan yang terdapat di dalam sesuatu penjara itu.

Jadi, saya kluatir ianya akan disalahgunakan oleh kedua-dua pihak baik oleh pihak penjara sendiri ataupun pihak keluarga-keluarga banduan supaya kaum keluarga yang terdapat dalam penjara itu mendapat layanan-layanan yang istimewa. Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian dapat menjelaskan ataupun memberikan garis-garis panduan, umpamanya keluarga banduan tidak boleh memberikan sebarang derma, tidak boleh menerima sebarang derma ataupun memberikan derma untuk akaun amanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga mengenai akaun amanah ini iaitu Fasal 62. Jawatankuasa yang hendak memberikan hadiah kepada pegawai penjara yang bersara, hendak memberikan kemudahan-kemudahan ataupun sebagainya yang mana terdiri daripada Ketua Pengarah sebagai Pengerusi, dua orang pegawai kanan penjara hendaklah dilantik oleh Menteri dan juga dua orang pegawai awam yang hendak dilantik oleh Menteri.

Yang menjadi masalahnya, saya telah membaca, saya tidak nampak sebarang peruntukan di mana kalau Ketua Pengarah itu sendiri yang akan bersara, Ketua Pengarah ataupun pegawai kanan itu sendiri yang akan bersara, adakah beliau sendiri boleh duduk dalam jawatankuasa yang hendak menentukan bentuk hadiah, bentuk pampasan ataupun bentuk suguhati yang akan diberikan kepada Pengerusi ataupun Ketua Pengarah ataupun pegawai-pegawai kanan penjara tadi. Kerana takut perkara ini akan menimbulkan conflict of interest, dengan izin, akan menimbulkan percanggahan kepentingan kepada pegawai-pegawai yang menduduki jawatankuasa ini.

Buat akhirnya, saya lihat juga ada dimasukkan tentang hakim pelawat. Maksud hakim pelawat ialah mereka yang dilantik oleh pihak Menteri Besar ataupun Ketua Menteri bagi Lembaga Hakim Pelawat bagi sesuatu penjara yang mana termasuk juga majistret bagi negeri ataupun yang akan menjadi ex-officio. Saya berharap supaya jemaah ataupun Lembaga Hakim Pelawat ini juga akan dimasukkan juga tokoh-tokoh agama, tokoh-tokoh masyarakat yang bekerja

dengan sukarela dan juga kalau dapat dimasukkan juga bekas-bekas banduan yang telah pun berubah cara hidupnya dan telah pun berjaya hidup di luar supaya ianya akan memberi galakan kepada banduan-banduan yang sedang menjalani hukuman.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan kata-kata itu saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Penjara 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Rahmah binti Salleh.

4.35 ptg.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Penjara 1995 ini.

Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah membawa Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan supaya keadaan di penjara dapat diperbaiki supaya lebih baik pergerakannya dan perjalanannya. Selama ini bukan tidak baik Tuan Yang di-Pertua, tetapi dengan adanya Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini akan membawa keadaan di penjara agak lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada dua perkara yang hendak saya memberi pandangan di dalam Dewan yang mulia ini untuk diambil perhatian oleh kementerian yang berkenaan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap pesalah yang berada di penjara, apakala mereka ini sakit maka seorang doktor akan ditugaskan untuk memeriksa mereka ini. Kalau tidak silap saya, ada satu kes pada pada satu ketika dahulu iaitu telah berlaku perkara yang tidak dapat dielakkan oleh

doktor ini kerana doktor ini telah dijadikan sebagai tebusan supaya mereka ini dibebaskan. Setelah sehari dua doktor ini ditahan oleh pesalah ini, maka barulah satu penyelesaian dapat diambil, itu pun dengan cara menggunakan kekerasan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua juga maklum kerana kes ini berlaku di Penjara Kuantan, kalau tidak salah ingatan saya. Apatah lagi doktor yang ditugaskan ialah seorang doktor wanita.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu kes lagi yang lebih kurang sama dengan kes yang pertama. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat juga maklum kerana kes ini kita dapat mengetahuinya melalui akhbar-akhbar harian kita pada satu ketika dulu. Yang mana seorang peguambela ke penjara untuk mengambil butir-butir yang akan dibawa ke mahkamah untuk diadili, tetapi malangnya peguambela ini juga telah menjadi satu tebusan kepada pesalah-pesalah ini. Tetapi oleh kerana kecekapan kakitangan penjara, maka dengan pertolongan Allah S.W.T., maka peguambela ini dapat diselamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seumpama inilah yang sepatutnya kementerian perlu memberi perhatian semoga tidak lagi berlaku di penjara mana-mana pun di dalam Malaysia kita ini.

Jadi, dengan dua perkara contoh yang saya kemukakan di sini saya berharap kementerian dapat membuat sesuatu bagi mengatasi masalah yang boleh dikatakan besar juga kesnya dan dengan ini juga saya ingin kemukakan cadangan saya semoga dapat kita renungkan bersama.

Pertamanya, sekiranya pesalah-pesalah ini sakit dan seorang doktor ditugaskan untuk merawat, saya cadangkan supaya dihantar bersama-sama doktor ini tiga atau empat orang anggota polis masuk bersama ke tempat pemeriksaan bagi menjaga keselamatan doktor yang bertugas ini dan Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah kawalan yang sepatutnya kita berikan kepada seorang peguambela yang menjalankan tugas kepada pesalah-pesalah. Kerana pesalah-pesalah ini sanggup membuat apa sahaja Tuan Yang di-Pertua demi untuk melepaskan diri.

Keduanya, saya mencadangkan supaya setiap pesalah lelaki hendaklah diperiksa oleh pegawai perubatan lelaki. Begitu juga sebaliknya kalau pesalah wanita. Janganlah pesalah lelaki yang sakit dihantar pegawai perubatan wanita. Ini akan menambahkan lagi kerumitan bagi pesalah lelaki ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu begitulah dua perkara yang saya harap kementerian dapat memberi perhatian dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Penjara 1995 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah peraturan yang relevan, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat. Dipersilakan.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya menjemput wakil Menteri untuk menjawab.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil berat tentang penggubalan Akta Penjara 1995. Banyak

perkara telah pun dibangkitkan terutamanya pada hari ini banyak hal-hal teknikal telah disentuh.

Dalam masa yang suntuk saya cuba seboleh-bolehnya untuk menjawab apa yang berkaitan dengan Akta ini dan kalau sekiranya ada apa-apa yang saya tertinggal, Yang Berhormat-Yang Berhormat bolehlah bangkit semasa saya menjawab atau saya tertinggal oleh kerana tidak sempat hendak ambil semua point, kalau ada apa-apa yang terkeluar, mungkin terpaksa saya jawab pada masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Haji Hashim Safin semalam telah memberi beberapa pandangan dan teguran. Pertamanya, beliau telah menyatakan mengapa terdapat penyelewengan dalam penjara seperti banduan dibenarkan untuk keluar berniaga dan mengapa pula terdapatnya ada kakitangan penjara terlibat dalam pengedaran dadah dan sebagainya. Saya rasa memang benar terdapat segelintir kakitangan penjara pada masa yang lalu telah melakukan penyelewengan dan juga telah melibatkan diri dalam penyeludupan barang-barang larangan ataupun dadah ke dalam penjara. Perkara-perkara seperti ini kerajaan tidak pernah tutup. Sebenarnya, kerajaan selama ini secara terbuka kita umumkan dan kita juga terangkan bagaimana kita mengatasi masalah ini. Pernah kerajaan menyentuh dan saya hendak ulang sekali lagi di sini ialah antara barang-barang yang mereka seludup ke dalam penjara adalah seperti dadah, tembakau dan wang. Ketiga-tiga item ini di antara items yang popular kerana ada demand dalam penjara.

Suka saya jelaskan memang kelemahan berlaku di mana-mana bukan sahaja di negara kita, di negara yang termaju di dalam dunia ini pun berlaku penyeludupan dadah ataupun barang-barang larangan ke dalam penjara. Baru-baru ini, wakil-wakil kerajaan telahpun melawati beberapa negara di mana penjara mereka menghadapi masalah yang sama. Walau bagaimanapun, buat masa kini, sebelum akta baru ini dikuatkuasakan, pihak penjara telah mengambil langkah-langkah yang seperti berikut untuk mengawasi ataupun cuba menangani masalah yang sedia ada. Apabila kita dapat sahaja nampak sesuatu penyelewengan atau penyeludupan di mana

Tuan Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim Safin.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan berlaku penyeludupan dari segi dadah, tembakau dan lain-lain. Saya tertarik “dan lain-lain” itu, takut ada lain-lain sebab saya terbaca berita luar negeri ada perempuan pun diseludup ke dalam penjara. Adakah rekod di penjara Malaysia penyeludupan perempuan-perempuan ke dalam penjara? Penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita boleh bangga dengan Malaysia selama ini perempuan tidak dapat diseludup masuk ke penjara. Tetapi pada suatu ketika dulu, kalau masa kita belum dapat mengesan kelemahan-kelemahan, mungkin seseorang banduan itu dia keluar. Apa yang mereka lakukan

di luar, mungkin kerajaan tidak tahu. Tetapi buat masa kini dan masa depan kita yakin kelemahan-kelemahan yang dulu boleh kita atasi.

Selain daripada itu, apabila berlakunya sesuatu penyelewengan kalau sekiranya ia melibatkan undang-undang yang boleh kita guna, maka kita dengan serta-merta pihak penjara akan melapor kepada pihak polis untuk mendapatkan bantuan daripada polis untuk menjalankan siasatan dan cara itu sebenarnya, dalam beberapa tahun ini dengan kerjasama antara penjara dengan polis, kita telah berjaya menangkap dalam bilangan kira-kira 41 orang kakitangan penjara, kebanyakannya warder yang terlibat dalam pengedaran dadah. Kerajaan tidak memberi layanan yang berbeza terhadap mereka. Mereka ini dilayan seperti mana-mana orang awam. Antara mereka ini 21 orang telah dikenakan tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya di mana mereka ditahan di pusat pemulihan akhlak, kebanyakannya di Simpang Renggam. Antara mereka ini 18 orang telahpun disekat di kawasan-kawasan yang jauh untuk tujuan hukuman dan juga untuk tujuan pemulihan. Salah seorang daripada mereka ini telahpun didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya 39(b) di mana kalau sabit hukumannya ialah mati. Seorang daripadanya telah dipecat, buang kerja. Jadi, ini telah berlaku dalam 2-3 tahun kebelakangan ini dan saya yakin dengan adanya tindakan tegas ini, ianya merupakan satu deterrent kepada kakitangan penjara yang lain, di mana kerajaan tidak teragak-agak bertindak.

Tetapi kalau kita bandingkan bilangan ini dengan jumlah bilangan kakitangan penjara di mana terdapat kira-kira 8,000 lebih kakitangan di semua institusi penjara di Malaysia, dengan operasi dan semua usaha, kita dapat mengesan dan menangkap 41 orang. Kalau kita tengok dari segi satu norm di mana-mana sahaja, dalam apa-apa kumpulan, tidak kira dalam perkhidmatan mana, dia mesti ada black sheep, dengan izin, mesti ada segelintir ahli-ahli, tidak kira dalam parti politik, dalam sekolah, dalam pasukan polis, dalam parti-parti pembangkang, mana-mana dia mesti ada segelintir manusia yang melakukan kesalahan. Jadi, kita tidak boleh menyatakan ini satu perkara yang sangat luar biasa, tetapi kerajaan memandang serius.

Selain daripada itu, oleh sebab itulah, dalam Akta Penjara 1995 ini kerajaan telah memasukkan peruntukan-peruntukan hukuman yang pada masa dulu sebelum akta ini, ataupun pada masa kini, tidak ada peruntukan-peruntukan hukuman ini. Apabila seseorang kakitangan penjara kalau didapati menyeludup ataupun mengedar dadah, buat masa kini kita tidak boleh guna apa-apa dalam Akta sedia ada, cuma bergantung kepada polis sahaja. Ini merupakan satu usaha lagi kerajaan memasukkan peruntukan apabila bersabit, kalau seseorang kakitangan penjara ataupun seseorang banduan ataupun wakil-wakil banduan didapati terlibat dalam penyeludupan barang-barang larangan ke dalam penjara, mereka kalau bersabit boleh dihukum penjara selama 6 bulan ataupun dihukum denda RM2,000 atau kedua-duanya.

Di sini saya ingin menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rahim Baba kata kononnya ada percanggahan di antara Akta peruntukan ini dengan Akta Dadah Berbahaya dan sebagainya, sebenarnya tidak. Kita gunakan semua akta sekali, yang mana satu sesuai, yang mana satu kita fikir kerajaan boleh pegang, kita pakai. Katalah, saya telah terangkan tadi apabila terdapat kakitangan penjara yang menyeludup dadah dengan amaun besar dan kita dapat bukti yang kukuh, kita tidak teragak-agak gunakan Akta Dadah Berbahaya dan kita tidak akan gunakan peruntukan yang lebih ringan ini di mana hanya penjara 6 bulan, di mana kalau terbukti kita bawa mereka di bawah 39(b) hukuman sampai gantung mati. Saya rasa kerajaan kena tengok keadaan. Tetapi peruntukan ini diperlukan adalah sebab kalau Akta Dadah Berbahaya itu terlibat hanya dadah, tak sebut di mana, tetapi di dalam undang-undang ini, kita spesifik, kita sangat jelas mengatakan kalau bawa dadah masuk ke dalam penjara. Dari segi itu, kita hendak kawal tak kira dadah itu mungkin sedikit sahaja ataupun menyeludupkan....

Tuan Rahim bin Baba: *[Bangun]*.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan supaya tidak timbul kekeliruan. Katalah seorang itu cuba menyeludup dadah ke dalam penjara, dia ditangkap, jadi dia akan didakwa, di bawah Akta mana seseorang itu akan dicaj sama ada di bawah Fasal 58 ataupun di bawah Akta

Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) atau siapa yang akan menentukan? Saya tidak tahu.

Sekarang ini ada dua caj sama ada di bawah Fasal 58 ataupun di bawah Akta Dadah Berbahaya. Lain kalau ada dinyatakan di dalam Akta ini, maknanya kalau ada Akta yang lebih berat, hukuman yang lebih berat itu yang akan dipergunakan. Jadi biar ada satu. Itu maksud saya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak akan menjadi masalah pada masa hadapan kerana pihak yang akan menentukannya adalah pihak yang sama iaitu Pendakwa Raya.

Sebenarnya Akta ini bukan hanya dikuatkuasa oleh pihak penjara, polis juga boleh menggunakan Akta ini, seperti Kanun Keseksaan, dia ada peruntukan untuk menghukumkan seseorang itu seperti mempunyai buku lucah dan sebagainya. Tetapi pada masa yang sama Akta Mesin Cetak juga ada peruntukan untuk menghukumkan seseorang yang memiliki buku lucah atau mengedarkan. Pihak yang membawa mereka untuk didakwa adalah antara polis dengan Pendakwa Raya. Jadi pihak yang berkuasa ini ada bersama. Mereka akan melihat kes ini untuk menentukan buktinya sekukuh mana untuk didakwa.

Tuan Rahim bin Baba: *[Bangun]*

Tuan Ong Ka Ting: Ya.

Tuan Rahim bin Baba: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta penjelasan. Jadi bermakna pihak Pedakwa Raya ada dua pilihan kalau sekiranya

seseorang itu ditangkap kerana membawa dadah masuk ke dalam penjara sekarang ini pihak Pendakwa Raya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi ada dua pilihan, sama ada hendak dikenakan denda RM2,000 ataupun dipenjarakan selama tidak melebihi 6 bulan ataupun hendak dikenakan charge di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang membawa hukuman mati mandatori. Itu maksud Yang Berhormat tadi. Maknanya pihak Pendakwa Raya ada dua pilihan dalam kes ini, katalah seorang itu hendak masuk membawa dadah ditangkap di pintu penjara, jadi polis membuat siasatan selepas itu diserahkan kepada pihak Pendakwa Raya dan pihak Pendakwa Raya ada dua pilihan, terpulang kepada pihak Pendakwa Raya di bawah seksyen mana hendak dicajkan seseorang itu. Itu maksud Yang Berhormatkah? I am very specific.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dijelaskan. Tetapi di dalam hal ini Pendakwa Raya mesti menentukan, kalau sekiranya dadah itu banyak sudah melebihi amaun boleh dicharge di bawah seksyen 39A ataupun seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya. Maka Pendakwa Raya akan menggunakan charge yang lebih berat supaya tidak ada sesiapa boleh menggunakan kelonggaran, walaupun dia membawa satu paun heroin masuk, tetapi cajnya ialah 6 bulan.

Saya faham Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba kkuatir mungkin nanti timbul kekeliruan dan pada masa pelaksanaannya ada masalah. Selama ini saya rasa tidak ada masalah kerana

Tuan Rahim bin Baba: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Tuan Ong Ka Ting: Ya.

Tuan Rahim bin Baba: Tidak, maksud saya Yang Berhormat selama ini memang tidak ada masalah, kerana tidak ada lagi Rang Undang-undang ini. Jadi tidak ada masalah dalam hal ini kerana selama ini Pendakwa Raya cuma ada satu pilihan iaitu hukuman mati mandatori.

Sekarang ini apabila sudah ada Rang Undang-undang ini, kalau orang cuba hendak menyeludupkan dadah ke penjara, bermakna Pendakwa Raya ada dua pilihan, sama ada hendak denda atau charge RM2,000, sekiranya dia membawa dadah satu paun sekali pun, bukan paun lagi, sekarang kita pakai kilo, Yang Berhormat. Walau dia membawa satu kilo sekalipun, sekiranya saya menjadi Pendakwa Raya saya ada dua pilihan, jadi terpulang kepada saya sama ada hendak caj dia di bawah Fasal 58 ataupun di bawah Rang Undang-undang Dadah Berbahaya, itu maksud Yang Berhormatkah? Kalau begitu, okay!

Tuan Ong Ka Ting: Sebenarnya ada tiga pilihan, seksyen 30A, 30B itu berat, kalau seksyen 30B hukuman mati, seksyen 30A penjara untuk tempoh panjang seperti 10 tahun atau lebih. Ada satu lagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 - Melanjutkan Tempoh Kuatkuasa, yang pada masa sesi yang lalu saya telah bawa ke sini juga, untuk melanjutkan tempoh selama 5 tahun. Kalau masih ingat Akta Dadah Berbahaya (Langkah-

langkah Pencegahan Khas) itu pun boleh digunakan Dalam pada ini, kadang-kala didapati penyeludupan itu mungkin melibatkan sedikit sahaja dadah, katakan satu tiub heroin atau amaunnya kurang sangat, hendak dikenakan di bawah seksyen 30A, seksyen 30B pun tidak boleh. Kalau hendak dakwa dia di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) orang akan mengatakan tidak ada bicara, tetapi dia sudah masuk penjara, perkara itu betul atau tidak, kita tidak tahu.

Saya rasa dengan adanya Akta ini yang menyeludup sedikit pun kena masuk ke dalam penjara dan kita boleh kenakan di bawah Akta ini. Dengan adanya undang-undang ini kita dapat memperketatkan lagi keadaan pengawalan terutamanya dadah sama ada di luar penjara ataupun masuk ke dalam penjara.

Selain daripada itu penyeludupan rokok, wang dan juga benda-benda yang lain juga penting . Selama ini ramai orang awam ingat rokok itu adalah satu benda yang tidak penting, bila-bila masa kita boleh memiliki di luar - betul, tetapi di dalam penjara rokok itu merupakan barang yang dilarang dan tidak boleh sesiapa pun membawa rokok itu masuk ke dalam penjara.

Apabila rokok itu dibawa masuk ke dalam penjara dia akan menimbulkan banyak masalah, rokok itu boleh menjadi seperti wang, boleh jadi satu benda untuk ditawan oleh pihak-pihak tertentu dan juga dengan adanya penghisapan rokok akan merosakkan disiplin. Dia tidak akan membantu dalam proses pemulihan dan sebagainya.

Buat masa kini pemeriksaan orang-orang yang keluar masuk penjara telah pun diperketatkan termasuk kakitangan banduan sendiri dan ahli keluarga, apa-apa barang yang mereka bawa masuk diperiksa dengan lebih ketat kalau dibandingkan dengan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin telah juga menyentuh tentang bentuk latihan kemahiran vokasional ataupun pemulihan. Beliau telah pun bertanya apakah bentuk yang telah kita gunakan.

Buat masa kini di dalam penjara kita telah pun mengadakan latihan kemahiran di mana bengkel-bengkel telah diadakan dalam institusi-institusi penjara dan boleh dikatakan semua penjara ada bengkel-bengkel di mana banduan-banduan telah dilatih. Sebagai contoh perusahaan vokasional, mereka dilatih bagaimana melibatkan diri dalam pemasangan paip, pendawaian elektrik, pertukangan kayu ataupun motor mekanik. Ini semua telah diadakan dalam bengkel-bengkel dalam penjara masa kini dan dalam penjara juga skim usahasama telah diadakan, di mana kilang-kilang.....

Tuan Haji Hashim bin Safin: [*Bangun*]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Minta penjelasan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya faham latihan dilakukan cuma untuk memberi lebih erti apakah mereka ini dikeluarkan sijil khusus macam juruelektrik, jurupaip dan

berbagai-bagai jurulah yang dilatih itu, kerana ini mempermudah? Maksud saya bila mereka keluar besar kemungkinan mereka boleh menggunakan sijil vokasional ini untuk pinjaman belia niaga, pinjaman penjaja kecil dengan badan-badan yang mengeluarkan pinjaman ke arah konstruktif untuk pembinaan diri keluarga dan akhirnya kepada bangsa kita.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah hendak sampai ke situ. Selain daripada bengkel, vokasional kita ada juga skim usahasama di mana kilang-kilang yang berdekatan dengan penjara atau di tempat-tempat yang sesuai dibenar mengadakan projek-projek usahasama dengan penjara di mana mereka akan membekalkan bahan-bahan mentah, mesin-mesin dan jurulatih-jurulatih ke dalam penjara dan penjara akan membekalkan ruang tempat dan tenaga kerja. Tenaga kerja itu adalah banduan.

Dengan adanya latihan vokasional dan dengan adanya usahasama ini, kita juga membenarkan mereka ini mengambil peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia di dalam penjara. Dalam usahasama dan latihan ini, baru-baru ini seramai 47 orang banduan daripada Penjara Kajang telah pun lulus Sijil Kemahiran Malaysia di mana sijil ini diiktiraf oleh swasta di luar. Kita harap dengan adanya akta yang baru sama ada di dalam penjara ataupun di luar pada masa-masa akan datang kita akan mendapat lebih ramai lagi banduan-banduan yang mendapat sijil untuk maksud yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Hashim Safin.

Memang itu adalah satu pandangan yang baik yang selaras dengan apa yang kerajaan fikirkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hashim Safin juga menekankan tentang kebolehan....

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, Puan Kamilia minta jalan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya perkataan ‘pemulihan’ yang saya baca dalam Rang Undang-undang ini tidak ada dan ‘pemulihan’ hanya telah disebut oleh Yang Berhormat semasa Yang Berhormat membentangkan Rang Undang-undang ini terlebih awal dan aspek pemulihan telah diberi penekanan dalam konteks penjara.

Saya ingin penjelasan, adakah pemulihan ini hanya merupakan pemulihan dalam bentuk memberi kemahiran fizikal (skill)? Tidakkah pemulihan ini juga termasuk pemulihan kerohanian dan akhlak? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, itu pun saya baru hendak mula. *[Ketawa]* Saya baru hendak kata Yang Berhormat Tuan Haji Hashim Safin juga menekankan pemulihan. Jadi, dari aspek pemulihan banduan-banduan dibenarkan keluar bekerja, ini mempunyai dua tujuan. Tujuan pertama ialah kemahiran mereka dan salah satu tujuan yang lain ialah dia boleh membantu pemulihan. Katalah kalau seorang banduan dihukum penjara 10 tahun dan kesemua 10 tahun

itu berada di dalam penjara, tidak boleh keluar dan tidak boleh buat apa-apa. Jadi, dia punya semangat dan sikap berlainan. Tetapi apabila dia sudah hampir 7 atau 8 tahun, kita nampak keadaan adalah selamat dan pihak berkuasa penjara fikir boleh kita bawa keluar bekerja, sebagai satu galakan, sebagai satu dorongan kepada banduan-banduan, kita katakan, “Sesiapa yang disiplinnya baik, semangat baik dan mahu bekerjasama, pada satu masa mereka akan dibenarkan keluar bekerja.” Boleh dikatakan semua banduan hendak keluar kerja. Itu satu cara yang lebih baik daripada berada di dalam penjara kalau mereka dibawa keluar. Itu sebagai satu galakan dan ia boleh membantu dalam pemulihan. Itu adalah satu-satunya yang kita sebut tentang pemulihan.

Dalam penjara ada banyak program. Dari saat mereka bangun tidur sampai saat mereka tidur semula, program dijalankan dan semuanya ada melibatkan aspek pemulihan dari segi latihan jasmani, dari segi kaunseling, dari segi kelas-kelas agama. Semua ini adalah penting. Tetapi buat masa ini terdapat beberapa kekurangan dalam Akta-akta sekarang. Kalau Ketua Pengarah hendak asingkan banduan mengikut kategori ataupun penjara terlalu sesak dan dia hendak wujudkan penjara sementara, semuanya tidak boleh.

Dari segi pentadbiran, apabila Akta ini memperuntukkan lebih banyak flexibility kepada pihak penjara maka banyak program pemulihan itu boleh berjalan dengan lebih licin. Baru-baru ini pihak penjara telah menekankan satu aspek yang kita panggil program Therapeutic Community. Therapeutic

Community ini sangat ditekankan di Amerika Syarikat ataupun negara-negara yang lain di mana kita membenarkan banduan itu secara sukarela dengan bimbingan pegawai-pegawai yang layak, mereka boleh jadi satu komuniti. Di dalam komuniti itu dan di bawah bimbingan mereka boleh membentuk semula personaliti mereka dan dengan adanya kaunseling dan pendidikan agama yang secukupnya maka kita rasa dari segi rohani boleh dikukuhkan lagi dan itu selaras dengan apa yang saya tekankan.

Cara corak bersepadu dan psycho-social juga ditekankan. Dari psychology dan dari segi pertalian, pandangan dan sikap mereka terhadap keluarga dan masyarakat juga adalah penting supaya keinsafan itu adalah benar-benar tercapai. Ini semua ada kaitan dalam program dari segi kualiti. Dalam bidang komputer, dia kata ini adalah 'software' dan kita bercakap fasal penjara ini adalah 'hardware', dengan izin. *[Ketawa]*

Walau bagaimana pun dalam satu, dua minggu ini saya telah pergi melawat Penjara Kajang dan Alor Setar dan saya nampak banyak kegiatan di situ. Orang luar memang tidak tahu. Saya cadangkan satu hari yang sesuai mungkin kita aturkan satu program untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat masuk dan lihat apa sebenarnya yang berlaku di situ dan itu lebih senang difahami. Kalau saya bercerita lebih panjang pun susah hendak faham.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengatakan mereka yang telah keluar itu susah hendak diterima oleh masyarakat dan mereka sendiri pun ada 'social stigma'

dan sebagainya. Pihak penjara dan kerajaan memikirkan sudah tiba masanya masyarakat umum cuba membantu kerajaan dan membantu masyarakat sendiri untuk mengadakan pertubuhan seperti “Friends of the Prison Club” - sahabat kepada mereka yang keluar ini. Berikan bantuan kepada mereka dan tunjukkan kasih sayang dan ini saya rasa akan memberi satu kesan yang positif. Ini tertakluk kepada NGO untuk membantu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hashim Safin ialah, deraan tidak dibenarkan langsung di dalam penjara. Kalau sesiapa kakitangan di dalam penjara didapati cuba menggunakan cara-cara sendiri tanpa mengikut peraturan untuk menghukum, memaksa, menyiksa dan mendera, kakitangan itu boleh dihukum dan boleh dikenakan tindakan disiplin dan kita boleh hantar mereka kepada pihak polis kerana telah melanggar sesuatu peraturan seperti mencederakan seseorang di luar penjara. Kalau di dalam penjara dia buat begitu, dia pun bersalah seperti apa yang dibuat di luar penjara. Dia tiada kuasa untuk mendera. Saya hendak tekankan di sini bahawa anggapan orang ramai dalam penjara itu terdapat banyak deraan itu adalah tidak benar.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah menghuraikan dengan panjang lebar tentang orang muda (minor) sering keluar masuk dan adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan rumah-rumah kebajikan dan sebagainya untuk membimbing mereka. Akta ini sebenarnya menyentuh tentang penjara sahaja. Di

negara kita masa kini terdapat Sekolah Henry Gurney. Sekolah Henry Gurney ini adalah di bawah Undang-undang Juvana dan ia tidak dimasukkan dalam Akta ini tetapi ia berhubung rapat dengan penjara sebab pegawai penjara juga bertugas di situ. Pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling adalah pandangan yang baik. Saya rasa di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat ada institusi ataupun sekolah-sekolah tertentu bagi juvana yang didapati bersalah. Bagi mereka yang masih di luar, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Tuan Ding Seling katakan, mereka yang balik dari sekolah, terdedah, terpengaruh dan sebagainya. Ini golongan yang tidak melakukan jenayah, tidak melanggar, saya rasa kerajaan sedang pandang serius dalam perkara ini dengan mengadakan beberapa kegiatan seperti Rakan Muda dan sebagainya. Itu adalah luar daripada bidang dan kemahiran saya. Mungkin kita tunggu kementerian yang sesuai untuk membentang hal-hal yang berkaitan.

Buat masa kini akta ini telah menyentuh - kebetulan akta ini juga nampak perlunya kita mengkategorikan banduan mengikut umur. Di bawah akta ini kita telah takrif semula 'banduan muda'. Kalau kita tengok takrif perkataan 'banduan muda' itu, umurnya kita sudah takrif jadi 21 tahun. Umur dua puluh satu tahun ke bawah dan umur 17 tahun ke atas, golongan ini kita telah pun takrif sebagai 'banduan muda', dan dalam akta ini kita akan asingkan mereka daripada banduan yang umur lebih tua. Kita anggap umur lebih muda ini perlukan sesuatu

bimbingan yang lain sedikit daripada orang dewasa. Ini memang selaras dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

Tuan Yang di-Pertua, statistik kumpulan umur itu rasa saya memang betul, satu statistik yang berguna. Saya rasa pihak penjara mungkin sudah ada statistik ini, tetapi hari ini saya tidak ada statistik itu. Mungkin saya akan minta dari pihak Penjara untuk buat analisa tentang statistik-statistik yang berguna untuk masa-masa depan, saya rasa kita boleh merancangkan sesuatu.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin telah sebut tentang mereka yang mencipta atau membuat senapang patah dan dihukum. Saya rasa beliau telah menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang negara kita. Saya rasa pihak penjara tak ada kuasa hendak bincang fasal undang-undang. Mungkin pada satu masa yang lain, masa yang sesuai, perkara ini boleh dibangkitkan untuk pertimbangan terutamanya Kementerian Undang-undang. Sebab institusi Penjara hanya menjalankan hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah.

Yang Berhormat Senator Rahim Baba telah bangkitkan banyak perkara yang sangat spesifik, dan saya cuba hendak jawab. Penjara Pudu hari ini telah pun boleh dikatakan tidak begitu sesak kalau dibanding dengan dahulu, kerana dahulu ramai tahanan remand, terutamanya tahanan imigresen, semasa tak ada depo Imigresen. Hari ini kita sudah ada depo-depo imigresen, mereka ini ditempatkan

terus di depo-depo imigresen. Saya rasa pihak mahkamah pun sudah ambil serius tentang tahanan remand yang sudah lama. Mereka mempercepatkan proses perbicaraan. Pada masa kini di Penjara Pudu ada lebih kurang 1,000 orang banduan. Penjara Pudu itu muatannya ialah 950 orang. Maknanya over crowded dengan 50 orang sahaja, ini keadaan baru. Dengan adanya Penjara baru di Sungai Buloh yang akan beroperasi pada bulan Mac tahun depan, di mana banduan-banduan Penjara Pudu ini kita akan pindah ke Penjara Sungai Buloh, dan Penjara Sungai Buloh merupakan satu penjara yang besar. Kita boleh tempatkan 2,000 hingga 2,500 banduan. Saya rasa keadaan tahun depan akan jadi lebih baik daripada sekarang.

Tentang kepadatan ini, saya sekaligus di sini hendak jawab, sebab Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah sentuh tentang penjara sementara. Sebelum itu saya jelaskan Fasal 3 yang dibangkitkan itu perlu dijelaskan tempat-tempat yang boleh diwartakan untuk menjadi penjara. Sebenarnya tempat-tempat yang kita sebut sama ada atas vessel ataupun kapal terbang ataupun tempat-tempat yang lain, kita bukan hendak jadikan tempat ini betul-betul penjara. Sebenarnya ini untuk kemudahan pengawalan semasa seseorang banduan itu terpaksa dibawa dari penjara ke satu tempat yang lain, kalau mereka terpaksa dimasukkan ke dalam kapal terbang ataupun vessel ataupun tempat-tempat yang lain, di mana mereka perlu kawalan. Kakitangan penjara kena jalankan tugas. Tetapi kakitangan penjara ini mereka ada kuasa-kuasa untuk menjalankan tugas hanya di dalam

penjara. Apabila keluar penjara, mereka tak ada kuasa lagi. Kalau mereka kena bawa banduan ini pergi ke satu tempat secara sementara, katakan transportation yang saya sebut tadi, maka mereka tak boleh buat banyak tugas. Kuasa-kuasa dia sudah tak ada. Jadi, kuasa diberikan untuk menjadi sesuatu tempat sebagai penjara adalah untuk tujuan kemudahan kawalan apabila banduan itu dibawa keluar.

Bagi Fasal 8 subseksyen (4) dan Fasal 8(1), sebenarnya tidak bercanggah. Saya rasa Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telah baca Fasal 7(1) dengan Fasal 8(4). Kalau kita tengok Fasal 8(4) dan Fasal 8(1) ia tidak bercanggah. Fasal 7(1) itu ada sebut sesuatu perkara yang lain. Fasal 8(4) ini adalah untuk tiga bulan bagi penjara sementara. Kalau tengok Fasal 7(1) adalah sah bagi menteri melalui pemberitahuan dalam warta untuk menetapkan lokap. Lokap ini lain, bukan penjara. Lokap ini memang di balai polis, kita tak mahu jadi ia sebagai penjara.

Fasal 8(1) dan Fasal 8(4) memang selaras tidak bercanggah. Mengapa kita hendak tetapkan tiga bulan. Kerana tempat sementara ini adalah untuk tujuan apabila sesuatu penjara sudah over crowded, sudah merebak sesuatu penyakit atau meletus sesuatu rusuhan atau menghadapi sesuatu masalah di mana banduan-banduan di situ terlalu ramai sehingga susah hendak kawal, jadi pihak penjara boleh cari satu tempat dekat penjara dan diwartakan sebagai penjara sementara dan tempatkan banduan-banduan yang dalam kategori yang lebih selamat, kategori yang risiko tak tinggi itu keluar ke dalam penjara sementara dahulu sehingga

keadaan di dalam penjara itu sudah terkawal, sudah aman baru mereka itu dipindah kembali. Mereka tidak boleh diletakkan di luar terlalu lama.

Satu lagi tujuan penjara sementara ini ialah untuk mengelakkan daripada terpaksa memindah banduan dari satu penjara ke satu penjara yang lain. Sebab kalau katakan seorang itu hendak pindah dia dari Penjara Kajang ke Penjara Pudu atau dari Kajang ke Penjara Seremban, itu adalah sangat menyusahkan, dan kadang-kala banduan sendiri takut ada penyelewengan, pihak berkuasa sengaja hendak pindah dia pergi penjara yang dia tak mahu pergi. Jadi, kita elakkan semua ini dan menyenangkan semua pihak, kita kena gunakan satu peruntukan untuk membolehkan penjara sementara.

Tuan Yang di-Pertua, memang adalah amalan biasa di mana-mana satu disiplin beruniform, arahan daripada pegawai yang terkanan itu dipatuhi. Kalau sekiranya ada tiga orang pegawai berada di situ, yang paling kanan itulah mereka perlu mematuhi arahannya. Saya memang sedar apa yang dibangkitkan tentang gaji. Gaji pegawai penjara kalau dibandingkan dengan pegawai polis, dan kalau kita banding pangkatnya, sama-sama berpangkat, memang ada perbezaan. Buat masa kini Jabatan Penjara dan Kementerian Dalam Negeri pun telah mengemukakan cadangan-cadangan yang sesuai kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, perkara ini masih dalam perundingan jadi, tidak dapat saya memberi apa-apa perkembangan yang terbaru.

Mengenai gaji yang rendah mungkin dijadikan satu alasan rasuah dan penyelewengan, kerajaan berpendapat tidak kira apa perkhidmatan, gaji tinggi-tinggi pun mungkin rasuah. Tidak semestinya orang yang bergaji rendah itu rasuah. Tidak semestinya orang miskin itu rasuah, orang kaya-kaya pun boleh rasuah. Jadi, kalau hendak menggunakan gaji ataupun wang itu, lagi banyak gaji lagi kuat hasrat dia, dia punya keinginan kebendaan itu lagi kuat, mungkin tidak boleh mengatasi masalah. Jadi, kita ingat apa yang penting ialah semangat ataupun dia punya pemikiran yang betul-betul murni dan menghormati pekerjaannya itulah lebih penting. Walau bagaimanapun, kerajaan juga kena mengambil kira tentang kebajikan kehidupan mereka di dalam kemampuan kewangan kerajaan.

Fasal 50, pegawai yang menjaga sama ada dia mempunyai kuasa yang muktamad, merotan itu telah jelas di dalam fasal ini, mesti disahkan oleh Menteri, kalau Menteri tidak bersetuju tidak bolehlah. Tetapi kalau kita baca juga Fasal 51 dan Fasal 52, memang sudah ada fasal yang ‘balancing’, di mana hukuman yang dijalankan oleh Pegawai Penjara perlu direkod, mesti didaftar dalam satu Buku Rekod dan apabila Hakim Pelawat itu datang, dia boleh menyemak dalam rekod itu, Hakim Pelawat itu boleh query kalau terdapat rayuan, sebab Hakim Pelawat, dia boleh melawat banduan pada bila-bila masa, kalau seseorang banduan itu berasa dia telah pun didera ataupun dihukum dengan tidak adil, dia boleh kompelin, membangkitkan hal ini kepada Hakim Pelawat dan Hakim Pelawat

boleh memeriksa dan boleh melihat sama ada sesuatu penyelewengan telah berlaku atau tidak.

Fasal 52 telah jelas sekali mengatakan banduan mesti diberi peluang untuk membela diri sebelum hukuman itu dikenakan, lagi pun hukuman ini adalah hanya boleh dikenakan untuk kesalahan-kesalahan kecil dalam penjara sahaja, ini semata-mata merupakan satu keperluan disiplin untuk menjaga keamanan dalam penjara, bukan satu hukuman hendak menghukum lebih daripada kesalahan yang sebenarnya. Itu pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling. Saya rasa kita ada garis panduan yang sangat jelas, akan sampai kepada Pegawai Penjara hanya apabila disiplin banduan itu sudah tidak boleh dikawal lagi, maka kita boleh menghukum mereka dari segi mengawal disiplin, bukan untuk menjadi lagi satu undang-undang ataupun satu mahkamah di dalamnya, tujuannya memang bukan macam itu.

Tuan Rahim bin Baba: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, Tuan Rahim bin Baba minta jalan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak mendapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi bermakna di bawah fasal ini, maknanya seorang pegawai itu sahaja boleh 'decide', boleh membuat keputusan, misalnya ada banduan yang membuat kesalahan, namanya kesalahan kecil tetapi hukumannya sampai kepada pengurangan yang

berasingan dalam 'cell' dengan diet yang terhad. Maksud saya diet yang terhad itu makan kuranglah agaknya. Tetapi hukumannya saya nampak tidaklah setimpal dengan kesalahan kecil itu. Jadi, maknanya dia sendiri sahaja boleh buat, seorang pegawai yang menjaga itu, dia boleh decide, tadi betullah Yang Berhormat katakan tadi, dia boleh mengadu kepada Pegawai Hakim Pelawat, kepada Lembaga Hakim Pelawat. Jadi, selepas kena rotan baru dia boleh mengadu, maksudnya begitu?

Tuan Ong Ka Ting: Ya, memang sebab ini adalah suatu akta, kita tidak dapat masukkan garis panduan secara detail, tetapi dalam akta ini juga telah memberikan kuasa kepada Menteri di bawah Fasal 67 - "Peraturan-peraturan akan dibuat oleh Menteri ..." Saya rasa dalam peraturan-peraturan nanti, kita akan pastikan semua 'check and balance' itu boleh dimasukkan, terutamanya siapakah yang akan membuat keputusan, bagaimana dia punya 'check and balance' itu diadakan. Memang itu adalah satu pandangan yang sangat baik dan 'very sharp'.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah juga tadi menyentuh tentang apakah ciri-ciri pegawai ataupun pakar yang dijadikan Pegawai penjara, semuanya ini telah ditetapkan oleh JPA dari segi kelayakannya dan dari segi latihan oleh penjara, memang ada latihan dan kursus-kursus yang tertentu bagi pegawai penjara disemua peringkat, biasanya buat masa kini untuk seseorang 'warder' kelayakannya masih tahap SRP. Ada juga pegawai yang kita ambil masuk merupakan pemegang diploma dan ijazah. Dari segi kesihatan fizikalnya dan juga kursus latihan dalam masa mereka menjalankan tugas pun dikenakan.

Kita akan tekankan agar mereka benar-benar faham tentang semangat betul-betul tujuan pemulihan dan hukuman yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hakim Pelawat, Yang Berhormat Tuan Ding Seling menyatakan sekurang-kurangnya seorang tidak cukup, memang kita peruntukkan sekurang-kurangnya seorang dan mereka ini boleh bergilir-gilir, sebab kita hendak anggota lembaga ini daripada orang yang betul-betul boleh layak dan betul-betul boleh menjalankan tugas dengan baik. Kalau kita melibatkan terlalu ramai orang, kita akan ada 'constraint' kita adakan 'constraint' batasan pada kita sendiri, oleh sebab itu kita nyatakan di sini sekurang-kurangnya seorang. Maka lembaga itu boleh menghantar dua atau tiga atau empat - sampai empat. Saya rasa ini tidak menjadi masalah, memang sudah ada flexibility di situ.

Fasal 60 kumpulan wang telah pun juga disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, kumpulan wang mungkin ada pihak cuba memberi derma, terutamanya daripada keluarga banduan supaya dapat layanan yang istimewa, saya rasa kerajaan tidak akan membenarkan pihak penjara untuk mendapatkan kutipan derma daripada keluarga banduan. Saya rasa kita pun akan mengadakan kawalan. Dari segi itu, selalunya mereka mungkin boleh mendapatkan derma itu daripada yayasan ataupun kumpulan-kumpulan yang kita tengok tidak ada hubung kait terus dengan banduan-banduan.

Fasal 62 sama ada Ketua Pengarah sendiri boleh mempengerusikan atau tidak apabila Ketua Pengarah itu bersara. Selalunya sebelum bersara mereka

sudah bercuti, mereka kena ambil cuti untuk satu tempoh sebelum bersara dan masa itu Pemangku Ketua Pengarah sudah menjalankan tugasnya, apa-apa kepentingannya, dia tidak boleh mepengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu lagi. Dan ini saya rasa kalau ada apa-apa pun kepentingan Ketua Pengarah, dia kena rujuk kepada Kementerian Dalam Negeri dan dipersetujui oleh Menteri. Saya rasa itu pun satu lapisan, satu 'check and balance'.

Cadangan mengenai mengambil tokoh-tokoh ataupun bekas-bekas banduan. Tokoh-tokoh ugama ataupun mereka yang baik dalam kaunseling dan sebagainya telah pun dijemput untuk memberi perkhidmatan di dalam penjara. Ada banyak peluang untuk mereka berkhidmat. Tidak semestinya mereka dimasukkan dalam Lembaga Hakim Pelawat. Lembaga ini kita perlu orang yang faham betul-betul undang-undang, akta-akta, hak-hak yang ditentukan.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh telah menyebut tentang doktor dan kakitangan kesihatan dan sebagainya, apabila masuk kena diiringi oleh pegawai polis. Memang sejak insiden berlaku di Kuantan dahulu, pihak penjara telah mengetatkan semua kawalan keselamatan, setiap doktor yang merawat, keselamatannya akan dikawal seketat-ketatnya oleh warder penjara, Mejistret pun kalau masuk hendak bicara pun kawalan sangat ketat dan ruang khas juga disediakan dan pegawai undang-undang hadir pun selalu mesti diiringi oleh warder.

Jadi, tidak payah kita bimbang apa-apa kelemahan dahulu kita telah pun dapat mengatasi pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab dengan panjang lebar dan kalau sekiranya ada apa-apa teguran dan pandangan yang tidak sempat saya jawab dengan sempurna, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian dan

dipertimbangkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Itu sahaja jawapan saya pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 68 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1993 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995 bagi bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963. Pada masa ini Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Melaka tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan 1993. Dalam pengurusan operasi pelabuhan berkenaan, Kementerian Pengangkutan dan pihak-pihak Pelabuhan mendapati bahawa beberapa perkara perlu dipinda demi kelicinan pentadbiran serta kesesuaian dengan masa sekarang.

Setelah menyemak keseluruhan peruntukan di dalam Akta Lembaga 1993, antara pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) pada masa ini di pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan pengendali pelabuhan boleh mengemukakan cadangan pindaan tarif pelabuhan kepada Lembaga Pelabuhan yang mana keputusannya adalah muktamad. Satu mekanisma dicadangkan di mana pengendalian pelabuhan yang tidak puas hati dengan keputusan Lembaga Pelabuhan untuk tidak membenarkan perubahan kepada tarif boleh merayu kepada Menteri

Pengangkutan. Ini adalah diperuntukan di bawah Seksyen 16A(2A) yang dicadangkan.

- (b) Pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 16A(1) dan 16A(3) adalah untuk membetulkan nama Akta yang terdapat di kedua-dua seksyen ini sebagai Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990 dan bukan Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1989 seperti yang tercatat sekarang; dan
- (c) Jadual Pertama kepada Akta Lembaga Pelabuhan 1963 menyenaraikan Pelabuhan dan Lembaga Pelabuhan yang diliputi oleh Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Peruntukan Seksyen 47, memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong membuat perintah untuk menubuhkan satu Lembaga Pelabuhan. Lembaga Pelabuhan yang telah ditubuhkan serta nama pelabuhan akan dimasukkan ke dalam Jadual Pertama. Bagaimana pun Seksyen 47 tidak memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberi pembetulan kepada butiran dalam Jadual Pertama itu jika terdapat kesilapan. Dengan demikian, seksyen baru 47(1A) dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminda butiran dalam Jadual Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Saya

ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995 ini tidak melibatkan perbelanjaan ruang tambahan bagi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

5.29 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat ketetapan mengenai charges ataupun tarif yang dikenakan bayar oleh mereka yang menggunakan pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan. Saya ingin menyentuh tentang pelabuhan-pelabuhan yang akan diswastakan. Baru-baru ini kerajaan telah pun menswastakan lapangan-lapangan terbang dan sebelum ini boleh dikatakan setiap negeri ada lapangan terbang masing-masing, kecuali Perlislah. Perlis tidak ada lapangan terbang tetapi apabila diswastakan, mereka yang mengendalikan lapangan-lapangan terbang ini telah pun membuatkan cadangan supaya dari segi komersilnya memikirkan dari segi keuntungan telah pun membuatkan cadangan supaya lapangan-lapangan terbang yang kecil ditutup. Memang dari segi komersilnya ada logiknya. Ada keperluan ataupun memang dari

segi untung rugi memanglah tidak 'viable' untuk kita mempunyai lapangan terbang di sesetengah negeri kerana kita mempunyai jaringan jalan raya yang baik.

Tetapi walau bagaimanapun, kita lupa tentang keperluan-keperluan sosial, tentang adanya lapangan-lapangan terbang ini. Apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah saya kluatir apabila kita menswastakan pelabuhan-pelabuhan, kemungkinannya Pelabung Kelang akan terus ada dan juga Pelabuhan Pasir Gudang kemungkinannya akan terus tetapi pelabuhan-pelabuhan yang kecil, yang ada pada hari ini kalau diswastakan kepada pihak-pihak yang semata-mata memikirkan soal keuntungan, kita kluatirkan pelabuhan-pelabuhan ini, pihak-pihak yang diberikan penswastakan ini akan memikirkan untuk menutup pelabuhan-pelabuhan ini.

Jadi, kita berharap kalau pun kerajaan menswastakan mana-mana pelabuhan, hendaklah diadakan 'clause' ataupun perjanjian supaya pelabuhan-pelabuhan kecil ini pun akan diswastakan dan akan diteruskan dan tidak akan ditutup sepertimana yang diura-urakan apabila hendak ditutup sesetengah pelabuhan ataupun sesetengah lapangan terbang yang tidak ekonomik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana akta ini terlalu spesifik dan terlalu pendek, jadi perbincangan yang saya berikan pun adalah pendek dan juga spesifik. Jadi, dengan kata-kata itu, saya menyokong Akta Pelabuhan (Pindaan) 1995.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin.

5.32 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berbahas, berbincang di samping mengambil kesempatan untuk mendapatkan penjelasan tentang kemungkinan-kemungkinan apa yang boleh saya dapat bagi pihak negeri Kelantan Darul Naim, negeri Cik Siti Wan Kembang.

Pertamanya, baguslah pindaan yang dibuat untuk memperkemaskan kepada pelabuhan-pelabuhan yang sudah ada seperti di Kelang dan lain-lain tempat kecuali di Kelantan ini. Memanglah bukan salah ibu mengandung tetapi memang nasib badan bagi negeri Kelantan. Usahkan hendak ada pelabuhan yang hendak diswastakan bahkan pelabuhan pun tidak ada.

Walaupun begitu saya hendak menafikan, janganlah kita pakai untuk Kelantan ini memang bukan salah ibu mengandung tetapi nasib badan. Ibu mengandung pun tidak salah, nasib badan pun masih boleh diperbaiki kalau ada perhatian-perhatian khusus untuk memastikan Kelantan itu sendiri mendapat peluang di tengah-tengah negara Malaysia yang membangun menuju ke negara maju dan tentunya infrastruktur di bidang pelabuhan ini lebih penting.

Penjelasan yang saya fikir perlu, TuanYang di-Pertua, ialah pernah di sekitar tahun 1989, semasa saya berada di Dewan Rakyat, saya cuba memperjuangkan bersama-sama saudara-saudara dari Kelantan di Dewan Rakyat untuk Kelantan diperuntukkan sejumlah tertentu, saya lupa peruntukan, untuk

pembinaan Pelabuhan Semerak-Kemasin. Oleh kerana keadaan percaturan politik, akhirnya Pelabuhan Semerak-Kemasin tidak terlaksana sehingga ke hari ini. Apakah peluang kepada Kelantan untuk kementerian menimbang semula ataupun memikirkan ataupun apakah perancangan untuk Pelabuhan Semerak-Kemasin di Kelantan itu diperbaharui di dalam perancangan di masa-masa hadapan khususnya di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerana memanglah buat sementara ini, kalau hendak adakan pelabuhan pun tidak ada apa yang hendak dieksport melalui Kelantan tetapi barangkali perancangan melalui wawasan pemimpin-pemimpin pada hari ini pada masa hadapan mungkin.

Apatah lagi barangkali kalaulah Kelantan itu dimajukan, dibangunkan dan saya terbaca satu artikel mengenai kemungkinan di Tumpat misalnya, ataupun di pinggir kawasan Timur akan dibuat pengeluaran carian petroleum minyak dan gas di sempadan Siam yang barangkali Pelabuhan Semerak-Kemasin ini boleh menjadi tempat yang penting untuk kerja-kerja pengangkutan gas dan sebagainya yang berkaitan dengan kerja-kerja petroleum yang akan dibangunkan di Kelantan. Barangkali kalaulah orang Kelantan hendak mengubah nasib, memang boleh ubah melalui kemenangan Kerajaan Barisan Nasional dan projek cari gali di pinggir pantai bersempadan dengan Thailand yang difahamkan di segi konsesinya 50:50 itu akan memajukan Kelantan dan apakah pihak Kementerian merancang pelabuhan-pelabuhan? Apakah perancangan awal dibuat untuk Pelabuhan

Semerak-Kemasin atau Pelabuhan Tumpat yang sudah mati kerana tidak ada perkara yang perlu diimport/eksport di pelabuhan di Kelantan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan di dalam dasar ini, saya mengambil kesempatan sekadar mendapat penjelasan dari kementerian khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kemungkinan di Kelantan ini akan dapat pelabuhan-pelabuhan dan apakah kalau pelabuhan-pelabuhan itu dibina, peluang-peluang untuk penswastaaan boleh berlaku kepada pelabuhan di negeri Kelantan.

Saya rasa itulah, Tuan Yang di-Pertua, sekadar untuk mencatat rekod sedih dan duka orang Kelantan kerana keadaan-keadaan tertentu. Sedangkan di negeri-negeri lain sudah sampai ke tahap hendak menswastakan pelabuhan ke arah hendak mempertingkatkan perkhidmatan sedangkan Kelantan tidak ada satu pun pelabuhan yang boleh dibanggakan. Insya-Allah, keluhan kekecewaan sebahagian besar orang Kelantan ini dapat dicatat kerana ianya akan memberi kesan kepada perjuangan orang Kelantan yang tidak mahu terpinggir di dalam arus utama pembangunan negara.

Walaupun Kelantan tidak ada pelabuhan, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995 ini. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

5.40 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk merakamkan sokongan di atas pindaan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1963.

Saya begitu bersetuju dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pindaan ini adalah sesuai untuk melicinkan kerja-kerja di pelabuhan. Akta Pelabuhan 1963 itu telah 38 tahun berlalu, maka memang wajarlah kita update, dengan izin, Akta Pelabuhan kita kerana kita sedia maklum bahawa pelabuhan ini adalah pintu gerbang keluar masuknya barang-barang import- eksport dalam negara kita ini.

Dalam menyebutkan sokongan ini, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada yang wujud bukan termasuk Port Klang ataupun yang besar-besar di negeri-negeri yang lain, tetapi yang kecil-kecil. Saya bawa perhatian kita kepada Sarawak yang disebut “bumi kenyalang”, kita mempunyai banyak sungai-sungai dan bandar-bandar kecil di Sarawak telah membangun di kuala-kuala sungai ataupun dekat kuala sungai dan di situ banyaklah pelabuhan kecil-kecilan.

Jadi, apabila kita mengadakan dan membangunkan pelabuhan yang besar-besar seperti di tempat-tempat yang besar, saya ingin bertanya apakah ketiadaan ataupun pandangan kerajaan terhadap pelabuhan-pelabuhan kecil dan sederhana yang telah memberi kita khidmat yang cukup baik walaupun secara kecil-kecilan? Adakah Akta Pelabuhan negara kita dan usaha kita menswastakan perkhidmatan di

situ untuk merangkumi juga pelabuhan-pelabuhan kecil kerana perkhidmatan yang telah diberi oleh mereka, saya rasa adalah cukup memberi pengalaman kepada orang-orang tempatan memberi peluang-peluang pekerjaan?.

Jadi, bagaimanakah peluang ataupun masa hadapan mereka? Adakah mereka diberi galakan untuk membangun juga dan untuk melakukan tugas-tugas yang jauh daripada tempat-tempat pelabuhan yang besar?

Yang kedua, saya ingin juga menyebut sedikit iaitu mengenai Sarawak juga - mengenai pelabuhan-pelabuhan yang baru. Saya dengar di dalam Warta Berita mengatakan bahawa kita akan membangunkan satu pelabuhan yang agak besar dan sederhana di Kuala Baram, dekat dengan negara Brunei Darussalam dan juga satu lagi di Kuching.

Dengan usaha pihak kerajaan membangunkan pelabuhan-pelabuhan seperti itu, saya ingin bertanya adakah kerajaan telah memikirkan untuk memberi peluang-peluang kepada mereka yang telah mempunyai sedikit sebanyak pengalaman seperti mereka yang saya sebut tadi yang mempunyai pelabuhan-pelabuhan kecil untuk mengambil bahagian dalam usaha membangunkan pelabuhan-pelabuhan besar itu? Dan yang kedua, untuk mengoperatekan pelabuhan-pelabuhan itu nanti supaya janganlah pengalaman-pengalaman mereka yang sudah ada setakat ini hanya hilang begitu sahaja apabila datangnya satu badan besar iaitu pelabuhan besar yang telah diswastakan yang menjadi raksasa untuk mengambil alih tugas-tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu sekali lagi menyokong pindaan Rang Undang-undang ini iaitu Akta Lembaga Pelabuhan 1963. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.46 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan sebenarnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana agak kurang jelas, sebelum kita dapat meluluskan Rang Undang-undang ini iaitu di bawah seksyen 2 ini. Saya ingin penjelasan, mengapakah ditukar 2A dengan menggantikan dalam subseksyen 33A(1) dan (3) perkataan “1989” dengan perkataan “1990”? Saya kurang jelas mengapa perkataan atau tahun itu diubah.

Yang keduanya - pindaan 33A(b), saya juga kurang jelas kerana kalau mengikut apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, salah satu daripada sebab mengapa Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk dipinda ialah untuk kelicinan pentadbiran pelabuhan.

Saya ingin penjelasan bagaimana seksyen (2A) ini dapat berperanan untuk melicinkan pentadbiran pelabuhan. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput Menteri menjawab.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: [*Bangun*]

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan?

5.47 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi berkenaan dengan akta yang hendak dipinda ini, adakah principlenya, dengan izin, atau the Principle Act dahulu dalam bahasa Inggeris ataupun tersilap di muka surat yang pertama ini. “(2A) where reply received from the authority”, dengan izin.

Jadi, bahasa Inggeris, di sebelah sini pun bahasa Inggeris, jadi semua bahasa Inggeris, tak adakah Bahasa Kebangsaan? Jadi, kemungkinan adakah ia mengikut Principle Act dahulu? Saya minta penjelasan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput Menteri menjawab.

5.49 ptg.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah menyokong usul ini dan juga memberikan pandangan-pandangan mereka yang baik, terutamanya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba yang telah bertanya kebimbangan beliau sama ada pelabuhan-pelabuhan kecil akan ditutup apabila pelabuhan-pelabuhan besar diswastakan seperti yang pernah dicadangkan oleh MAS kepada Lapangan Terbang Kecil.

Saya ingin memberi makluman bahawa kerajaan tidak akan menutup Lapangan Terbang Kecil ini kerana yang dicadangkan oleh MAS itu adalah pandangan MAS dan bukan merupakan pandangan kerajaan. Saya dapati MAS, ia bukan mencadangkan ditutup terus, tetapi MAS tidak terbang ke lapangan terbang kecil, tetapi lapangan terbang kecil ini akan diservice oleh airline yang lebih kecil seperti Pelangi Air.

Oleh kerana itu, bagi pelabuhan, kerajaan tidak ada cadangan untuk menubup jeti-jeti kecil kerana kita dapati negara kita perlukan jeti-jeti kecil ini untuk memberi perkhidmatan kepada pelabuhan yang besar. Bahkan jeti-jeti kecil ini juga boleh membantu pembangunan bagi sesebuah negeri. Dengan itu, tidaklah perlu bimbang bahawa kerajaan tidak ada cadangan untuk.....

Tuan Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Minta maaf. Yang Berhormat Tuan Sairin.

Tuan Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, sekadar untuk meminta penjelasan. Oleh kerana tersentuh lapangan-lapangan terbang kecil tidak ditutup. Untuk maluman Yang Berhormat, lapangan terbang kecil di Keningau yang sepatutnya masih beroperasi telahpun ditutup sekian lama. Apakah ini tidak termasuk di dalam apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang Keningau ini telah ditutup dahulu terlebih awal oleh kerana tidak viable tetapi yang MAS sebutkan ialah lapangan terbang yang masih lagi beroperasi

sekarang. Misalnya macam di Melaka, di Ipoh dan juga lapangan-lapangan terbang kecil yang lain. Bagaimanapun, kalau lapangan terbang yang dulunya kecil tetapi pada masa depan didapati perlu, ada viability, kerajaan sedia untuk menimbangkannya balik.

Berkaitan untuk memasukkan clause di dalam perjanjian penswastaaan, saya suka menyatakan bahawa jika pihak swasta tidak ingin lagi menjalankan operasi pelabuhan yang berkenaan, maka kerajaan akan mengambil alih balik operasi pelabuhan-pelabuhan yang telah diswastakan. Kerana itu tidak harus menjadi kebimbangan kepada orang ramai kerana kerajaan akan bertanggungjawab untuk melihat pelabuhan yang telah diswastakan jika dipulangkan balik akan terus dilaksanakan ataupun dioperasikan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin telah bertanyakan berkaitan dengan Pelabuhan Semerak-Kemasin di Kelantan. Saya ucapkan terima kasihlah kerana ada juga orang hendak membela Kelantan. Kerana kita tahu Kerajaan Kelantan tidak minat kepada pembangunan dunia. Namun demikian, saya suka memaklumkan apabila sesebuah pelabuhan ingin dibangunkan, beberapa faktor harus diambil kira oleh kerajaan seperti kawasan berkenaan mesti mempunyai cargo-based, ertinya ada kontena, ada barang yang ingin kita eksport. Tetapi mengikut apa yang berlaku di Kelantan pada hari ini tidak menggalakkan pertubuhan industri, saya fikir jauh lagilah masanya untuk kerajaan membina pelabuhan di Kelantan ini secara yang lebih besar. Juga pelabuhan ini mesti dapat

menarik kapal untuk datang. Jadi, hendak tarik kapal ini pun mesti ada barang yang hendak diambil. Ini juga terpulanglah kepada Kerajaan Kelantan untuk menentukan pada masa depan. Termasuk infrastruktur yang lain seperti jalan, elektrik, air dan sebagainya.

Pada setakat ini, kita telah mempunyai pelabuhan di pantai timur iaitu Pelabuhan Kemaman dan juga Pelabuhan Kuantan yang boleh mengendalikan kargo-kargo di sepanjang pantai timur. Oleh yang demikian, kargo yang kecil dari Kelantan ini bolehlah menggunakan kemudahan di Kuantan dan juga di Kemaman.

Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan masih lagi berbudi baik untuk orang Kelantan. Pelabuhan di Semerak-Kemasin ada cadangan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat Tuan Isli Haji Siput membangkitkan adakah pelabuhan kecil...

Tuan Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, Tuan Haji Hashim bin Safin, bangun.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Memanglah saya rasa pembelaan perlu dibuat untuk Kelantan. Semangat itu diterima daripada bapa angkat saya, Yang Berhormat Datuk sendiri dari Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit tambahan. Saya rasa memang berterima kasihlah kalau ada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk projek Pelabuhan

Semerak-Kemasin. Cuma satu yang saya katakan tadi, saya terbaca satu artikel yang mengatakan di pinggiran sempadan antara Thailand dengan Kelantan dicadangkan akan dibuat usaha mengeluarkan minyak dari dasar laut. Jadi, apakah Pelabuhan Tumpat misalnya ataupun Pelabuhan Semerak-Kemasin juga dikehadapkan secara proaktif untuk kita merancang supaya pelabuhan seperti Pelabuhan Kemaman di Terengganu boleh berlaku? Sekarang ini memanglah tidak ada apa hendak dieksport dan import. Tetapi ke arah peluang pembangunan melalui pembangunan petroleum di sempadan Malaysia dengan Thailand di sebelah Kelantan.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk itu, Yang Berhormat, kerajaan akan menimbangkan.

Soalan Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput, adakah kerajaan memberi peluang kepada yang ada pengalaman membangunkan pelabuhan-pelabuhan yang besar dan operate pelabuhan itu ataupun apabila pelabuhan besar telah diswastakan, pelabuhan kecil ini tidak akan diberi peluang untuk diusahakan oleh mereka yang berpengalaman.

Saya suka menjelaskan bahawa kerajaan mempunyai dasar yang terbuka. Mana-mana pihak yang ingin mencadangkan penswastaaan mana-mana pelabuhan boleh mencadangkan kepada kerajaan. Begitu juga mereka yang ada pengalaman mengoperasi mana-mana pelabuhan boleh mencadangkan dan kerajaan akan

mengambil kira semua cadangan-cadangan yang kita terima dan sudah tentunya mereka yang berpengalaman akan diberi pertimbangan yang sebaik mungkin.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim bertanyakan mengapa tukar “1989” kepada “1990”. Saya suka menjelaskan bahawa akta ini dulu diluluskan pada tahun 1989 tetapi telah digazet pada tahun 1990. Oleh kerana itu, ia terpaksa ditukar menjadikan 1990 iaitu pada tarikh gazet. Kerana tidak sempat untuk digazet pada tahun 1989, kerana Dewan ketika itu bersidang di hujung tahun. Itulah sebabnya kita tukar kepada tahun yang berkenaan.

Sudah tentu akta ini dapat melicinkan pentadbiran kerana sekiranya ada permohonan untuk pinda tarif, kalau dulunya hendak kena bawa balik pindaan kepada akta tetapi hari ini kita beri peluang kepada Menteri sahaja untuk menimbangkan. Satu lagi hendak tukar perkara-perkara yang lain, kalau dahulu Yang di-Pertuan Agong tidak ada kuasa dan sekarang ini kita beri juga kuasa itu kepada Yang di-Pertuan Agong. Dengan ini, memberikan ruang yang mudah untuk mengambil tindakan kerana ianya tidak melibatkan apa-apa kos kepada kerajaan.

Yang Berhormat Dato’ Haji Mahmud menanyakan.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin yang ingin minta penjelasan.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minta maaf. Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, bekas Speaker Pahang. Akta asal

memang dibuat dalam bahasa Inggeris, bukan dalam bahasa Malaysia kerana ianya telah digubal pada tahun 1967.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Adakah salah kalau kita buat dalam Bahasa Kebangsaan? Sebab kedua-dua ini pun macam memberi di dalam bahasa Inggeris. Di sebelah sini bahasa Inggeris, di sebelah sini pun bahasa Inggeris. Kalau sudah kita buat silap, kita betulkanlah dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan kita. Kita hendak mengagung-agungkan Bahasa Kebangsaan kita, mengapakah kita gunakan juga bahasa Inggeris dalam Dewan ini.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Pada masa depan kita akan menggunakan dalam bahasa Malaysia.

Saya tadi tertinggal dengan Yang Berhormat Tuan Ding Seling, adakah pelabuhan merangkumi pelabuhan-pelabuhan di Sarawak. Akta Lembaga Pelabuhan 1963 hanya merangkumi Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Melaka. Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 hanya meliputi Pelabuhan Bintulu. Pelabuhan-pelabuhan di Sarawak kecuali Pelabuhan Bintulu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dengan demikian, pembangunan pelabuhan-pelabuhan ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Bagaimanapun, jika kerajaan negeri ingin meminta bantuan Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pengangkutan bersedia untuk membantu.

Itu sahaja jawapan saya kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PELABUHAN-PELABUHAN
(PENSWASTAAN) (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta

untuk meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu rang undang-undang yang bernama Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) (Pindaan) 1995 bagi bacaan kali kedua. Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990. Pada masa ini Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Melaka adalah tertakluk kepada Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990. Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990 hanya meliputi pelabuhan-pelabuhan tertentu seperti yang tersebut di atas dan ianya disenaraikan dalam Jadual kepada Akta ini.

Selaras dengan program penswastan kerajaan, beberapa lagi pelabuhan telah dikenalpasti untuk diswastakan. Untuk tujuan penyeragaman dari segi proses penswastan dan juga kawalseliaan adalah dicadangkan pelabuhan-pelabuhan seperti ini juga diliputi oleh Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990.

Peruntukan seksyen baru 2A membolehkan Menteri Pengangkutan meminda Jadual tersebut untuk memasukkan nama-nama pelabuhan yang hendak diliputi oleh Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara yang akan dipinda dalam Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) (Pindaan) 1995 ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) (Pindaan) 1995 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

6.03 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Hanya pendek sahaja perkara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tetapi saya juga ingin bertanya, kalaulah Yang Berhormat Menteri diberi kuasa untuk mengenalpasti pelabuhan-pelabuhan baru, bagaimanakah dari segi kedudukan misalnya, tanah, tapak pelabuhan yang dikenalpastikan itu. Apakah cara-cara kementerian atau Menteri berkenaan untuk

berbincang dahulu dengan Majlis-majlis Tempatan ataupun negeri tertentu seperti Sarawak, Sabah dan lain-lain ataupun adakah ini terlebih dulu diambilalih dari segi kepunyaan tanah tadi dengan menggunakan akta-akta tertentu ataupun di sebaliknya.

Yang kedua, bagaimanakah dari segi aset seperti apa-apa yang sudah ada di situ yang sudah pun wujud, bagaimakah kerajaan untuk membincangkan mengenai perkara ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tahu ialah penjelasan tentang langkah-langkah yang akan diambil supaya mereka yang sekarang ini mempunyai atau menjalankan pelabuhan itu seperti pihak Kerajaan Negerikah ataupun pihak-pihak yang lain, tidak terasa terkilan (deprived) apabila pelabuhan mereka diambilalih.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan mengenai Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya minta Menteri menjawab.

6.06 ptg.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Ding Seling dari Sarawak, saya suka memaklumkan bahawa bagi pelabuhan-pelabuhan yang masih dalam pengawalan Kerajaan Negeri, apabila ingin diswastakan dan dimasukkan di dalam Rang Undang-undang yang dipinda ini, maka perbincangan akan dibuat dengan

Kerajaan Negeri dan ianya termasuk harta-harta dan juga penswastan ini kepada siapa yang akan dilakukan, ianya akan dirundingkan bersama dengan Kerajaan Negeri kerana pelabuhan berkenaan adalah kepunyaan Kerajaan Negeri termasuk tanahnya sekali. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Sairin bin Karno: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak berucap? Sila.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin penjelasan mengenai dengan kedudukan Lembaga Pelabuhan Lahat Datu yang dalam pembinaan pada masa ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Lembaga Pelabuhan Lahat Datu tidak termasuk lagi dalam penswastan yang ada dalam kementerian. Jadi, tentang kedudukannya saya memerlukan notis untuk memberi laporan yang lebih jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, jawapannya sudah habis, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN
PULAU PINANG (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan Suatu Rang Undang-undang yang bernama Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan)1995 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 telah dikuatkuasakan sejak tahun 1955.

Kementerian Pengangkutan dan pihak pelabuhan telah mendapati bahawa terdapat beberapa peruntukan yang perlu dipinda bersesuaian dengan masa

sekarang. Setelah menyemak keseluruhan seksyen-seksyen di dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 terdapat tiga perkara yang perlu dipinda iaitu:-

- (a) Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 33A(1) dan 33A(3) adalah untuk membetulkan nama akta yang terdapat di kedua-dua seksyen ini sebagai Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastan 1990 dan bukan Akta Pelabuhan Penswastan 1989 seperti yang tercatat sekarang ini.
- (b) Mengadakan seksyen baru 33A(2A) di mana di pelabuhan yang telah diswastakan, mengendalikan pelabuhan yang terkilan dengan keputusan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk tidak membenarkan perubahan kepada tarif pelabuhan yang sedia ada boleh merayu kepada Menteri Pengangkutan terhadap keputusan tersebut dan keputusan Menteri Pengangkutan adalah muktamad.
- (c) Pada masa ini, pengurusan pelabuhan kecil dan jeti-jeti adalah di bawah pentadbiran Jabatan Laut yang lebih cenderung kepada hal keselamatan maritim dan bukan aspek komersil.

Untuk mempertingkatkan lagi operasi pelabuhan-pelabuhan seperti ini adalah dicadangkan supaya pentadbiran pelabuhan-pelabuhan itu diletakkan di bawah Lembaga Pelabuhan yang sedia ada. Tindakan sedemikian menjimat wang

kerajaan dari menubuhkan Lembaga Pelabuhan berasingan bagi pelabuhan kecil dan jeti dan Jabatan Laut boleh menumpukan perhatian sepenuhnya kepada hal keselamatan maritim.

Dengan demikian, dicadangkan memperuntukan satu bahagian baru VIA untuk membolehkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pelabuhan yang sedia ada di utara Semenanjung Malaysia, memperluaskan fungsi kepada pelabuhan dan jeti-jeti lain di negari-negari utara.

Pindaan yang serupa telah dilakukan kepada Akta Lembaga Pelabuhan 1993 pada tahun 1985 di mana fungsi Lembaga Pelabuhan Klang telah diperluaskan kepada Pelabuhan Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1995 ini tidak melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pinang Pinang (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang dikemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.17 ptg.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1995 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Akta tersebut telah dikuatkuasakan pada tahun 1981, Kementerian Pengangkutan dan pihak pelabuhan telah mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda bersesuaian dengan masa sekarang dan juga untuk kelicinan pentadbiran.

Setelah menyemak keseluruhan seksyen ke seksyen di dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) Pada masa ini keseluruhan akta ini kecuali seksyen 92 telah dikuatkuasakan sejak 15hb Ogos, 1981 Seksyen 92 memperuntukkan bahawa semua harta alih dan harta tak alih, kuasa, kepentingan tanggungjawab dan keistimewaan yang diperolehi dan terletak kepada Kerajaan Persekutuan semasa Pelabuhan Bintulu diisytiharkan sebagai Pelabuhan

Persekutuan hendaklah berpindah dan terletak kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah sebuah badan berkanun kerajaan yang menguruskan Pelabuhan Bintulu. Pada tahun 1981 Kerajaan Persekutuan berpendapat seksyen 92 tidak akan dikuatkuasakan pada tahun 1981 kerana masih terdapat aktiviti pembangunan yang masih dijalankan oleh kerajaan.

Kerajaan sekarang berpendapat seksyen 92 boleh dikuatkuasakan dan untuk ini pindaan dibuat kepada seksyen 1 untuk menyifatkan seksyen 92 mula berkuatkuasa pada 16hb Ogos, 1981 iaitu sehari selepas tarikh semua seksyen lain Akta mula berkuatkuasa.

- (b) Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 27(A)(1) dan 27A (3) adalah untuk membetulkan nama yang terdapat di kedua-dua seksyen ini sebagai Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastan 1990 dan bukan Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastan 1989 seperti yang tercatat sekarang.
- (c) Mengadakan seksyen baru 27A(2A) di mana di pelabuhan yang diswastakan pengendali pelabuhan yang terkilan dengan keputusan Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk tidak membenarkan perubahan kepada tarif pelabuhan yang sedia

ada boleh merayu kepada Menteri Pengangkutan terhadap keputusan tersebut dan keputusan Menteri Pengangkutan adalah muktamad; dan

- (d) Pada masa ini pengurusan Pelabuhan Persekutuan di Sarawak adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Pentadbiran Pelabuhan Bintulu di Sarawak adalah di bawah Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Labuan petadbirannya adalah di bawah Jabatan Laut Sabah. Jabatan Laut Sabah adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab atas hal keselamatan maritim dan pengurusan pelabuhan kecil.

Dengan demikian Kementerian Pengangkutan berpendapat adalah lebih sesuai Pelabuhan Labuan diletak di bawah pentadbiran sebuah Lembaga Pelabuhan yang bercorak komersil yang boleh meningkatkan lagi operasi Pelabuhan Labuan.

Memandangkan Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah Pelabuhan Persekutuan yang terdekat sekali, adalah dicadangkan bahawa fungsi Lembaga Pelabuhan Bintulu diperluaskan kepada Pelabuhan Labuan. Tindakan sedemikian menjimatkan wang kerajaan dari menubuhkan Lembaga Pelabuhan bagi Pelabuhan Labuan dan Jabatan Laut Sabah boleh menumpukan perhatian sepenuhnya kepada hal keselamatan marine. Dengan demikian dicadang mengadakan satu bahagian yang baru iaitu Bahagian VIIA untuk perluasan fungsi pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah disebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Ding Seling. 6.22 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih....

Tuan Yang di-Pertua: Apabila mengenai Sarawak sahaja, Tuan Ding Seling terus bangun berucap.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu peluang bukan sahaja untuk memberi khidmat sejauh yang boleh tetapi juga....

Tuan Yang di-Pertua: Baguslah itu!

Tuan Ding Seling: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyatakan sokongan saya kepada pindaan Rang Undang-undang ini iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Ianya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu untuk melicinkan pentadbiran. Kita tidak ada apa-apa bantahan kalau untuk kebaikan negara di tempat tertentu, memanglah kita memberi sokongan penuh dan padu.

TuanYang di-Pertua, bagaimanapun saya ingin menyatakan sedikit sebanyak perkara. Pertama sekali saya ingin meminta penjelasan mengenai seksyen 2(2) yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, “yang

perlu dianggap sebagai berkuatkuasa mulai 16 Ogos, 1981". Pada hal hari ini ialah 14 tahun kemudian. Adakah ini bercanggah dengan dasar perundangan ataupun tidak?

Kedua, adakah tindakan-tindakan yang telah diambil sejak Ogos 1981 itu boleh semuanya dimansuhkan ataupun tidak ada, yang menyebabkan perkara yang telah diambil alih itu terkeluar daripada maksud Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah terlebih dahulu memikirkan Pelabuhan Bintulu ini. Mungkin ada yang di sini tidak tahu bahawa sebelum adanya pelabuhan ini, Bintulu adalah sebuah "fishing village", dengan izin, yang kecil sahaja. Bilangan kedai di situ tidak melebihi 20 buah tetapi sekarang kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua mungkin sudah pergi ke sana, ia adalah sebuah bandar yang agak canggih juga dan seperti yang kita sedia maklum ada industri-industri tertentu, misalnya "oil refinery", gas cecair, penapisan minyak dan juga sebuah industri baja.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini ialah oleh kerana tindakan Kerajaan Pusat telah membawa kemajuan di tempat itu, saya berharap tindakan baik itu dilanjutkan. Oleh kerana ramai juga orang-orang tempatan dari hulu-hulu sungai datang ke tempat itu untuk mencari kerja dan ada juga yang tahu tentang apa yang mereka cari dan ada juga yang tidak tahu. Dalam keadaan yang begitu banyaklah kejadian-kejadian seperti jenayah mungkin berlaku. Walaupun

perkara ini keluar daripada apa yang kita bincangkan dalam Rang Undang-undang ini, tetapi saya ingin membawa perhatian kepada perkara itu oleh kerana orang-orang di Sarawak memandangkan Pelabuhan Bintulu sebagai satu simbol di mana mereka boleh berbangga atas kemerdekaan melalui Malaysia.

Apa yang saya ingin katakan di sini, saya harap peluang-peluang pekerjaan yang ada di situ, walaupun begitu canggih, hendaklah juga diagih kepada orang-orang tempatan bersama-sama orang-orang yang lebih berkemahiran termasuklah rakan-rakan kita dari Semenanjung Malaysia. Seperti kita sedia maklum, dahulu kerja-kerja pembangunan di Bintulu dilakukan oleh orang-orang dari luar negara kita dan oleh kerana itu ramai orang-orang tempatan yang dianak-tirikan, tidak ada peluang. Jadi, mereka pun berkata, “Adakah ini cara Kerajaan Pusat untuk menjadikan kita...” - ini secara kasarlah - mereka kata, “semi colonial ataupun tidak?”. Walaupun saya tahu Kerajaan Pusat memang tidak bertujuan begitu, ini saya kira satu peringatanlah supaya Kerajaan Pusat apabila hendak membangunkan lagi tempat-tempat di Bintulu maka hendaklah diambilkira perasaan orang-orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya oleh kerana Pelabuhan Bintulu ini adalah satu pelabuhan yang besar, saya harap pengalaman yang telah kita lihat dan telah berlaku sampai sekarang hendaklah juga digunakan kepada pelabuhan-pelabuhan yang baru yang sedang dibangunkan, seperti yang saya sebut di awal tadi apabila kita membincangkan satu Rang Undang-undang tadi, iaitu di Kuala Baram. Saya

harap dalam pembangunan di situ juga kita memberi peluang kepada orang-orang tempatan walaupun tidak menjadi kontraktor besarnya tetapi sub-sub-kontraktornya.

Dengan perkataan-perkataan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini, iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Tuan Ding Seling hari ini mengelak daripada menyambung ucapan dalam sambungan sidang dan betul-betul habis berucap pada jam 6.30 petang

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 11hb. September, 1995.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.